

Jilid II
Bil. 48



Hari Isnin
29hb Januari, 1973

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6059]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala-kepala B. 52 hingga B. 60 [Ruangan 6084]

Kepala B. 62 [Ruangan 6089]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1973:

Kepala-kepala P. 52 hingga P. 57, P. 59 dan P. 60 [Ruangan 6084]

Kepala P. 62 [Ruangan 6091]

1. The first part of the paper is devoted to the study of the properties of the function $f(x)$ defined by the equation $f(x) = \int_0^x f(t) dt$. It is shown that $f(x)$ is a constant function, and its value is determined by the initial condition $f(0) = 1$. The second part of the paper is devoted to the study of the properties of the function $g(x)$ defined by the equation $g(x) = \int_0^x g(t) dt$. It is shown that $g(x)$ is a constant function, and its value is determined by the initial condition $g(0) = 1$. The third part of the paper is devoted to the study of the properties of the function $h(x)$ defined by the equation $h(x) = \int_0^x h(t) dt$. It is shown that $h(x)$ is a constant function, and its value is determined by the initial condition $h(0) = 1$.

2. The second part of the paper

3. The third part of the paper

4. The fourth part of the paper

5. The fifth part of the paper

6. The sixth part of the paper

7. The seventh part of the paper

8. The eighth part of the paper

9. The ninth part of the paper

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi
PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 29hb Januari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K. P.M.N., (Ulu Kelantan).
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.F.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF BIN AHMAD (Langat).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- ” TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- ” TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- ” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- ” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- ” TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- ” DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- ” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- ” TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- ” DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- ” TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- ” WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- ” TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- ” TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- ” TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- ” PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- ” TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- ” DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- ” TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).

- Yang Berhormat TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

” Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., P.D.K., D.I.M.P. (Lipis).

” Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HASHIM (Rembau-Tampin).

” NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

” TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

” TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk Sugut).

” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

” DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

” TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

” DR LIM CHONG EU (Tanjong).

” DATUK PETER LO SU YIN P.G.D.K. (Sandakan).

” TUAN LUHAT WAN (Baram).

” TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

” TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

” TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

” TUAN HAJI MUHAMAD YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

” TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

” RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

” DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

” DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

” DR A. SOORIAN (Port Dickson).

” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

” TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

” TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERSIDANGAN PERSATUAN PARLIMEN KOMANWEL

1. **Awang Bungsu bin Abdullah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Ahli Dewan Negeri, Ahli-ahli Parlimen dan Senator-senator yang telah hadir di Persidangan-persidangan Persatuan Parlimen Komanwel semenjak tahun 1970 dan berapa ramai daripada mereka terdiri daripada ahli-ahli parti politik Pembangkang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, semenjak tahun 1970 bilangan Ahli-ahli Parlimen yang telah menghadiri Persidangan-persidangan Persatuan Parlimen Komanwel adalah seperti berikut:

Tahun 1970	...	...	...	4 orang
Tahun 1971	...	...	...	7 orang
Tahun 1972	...	...	...	4 orang
Jumlah				15 orang

Bilangan ini terdiri daripada 5 orang Ahli Dewan Negara dan 10 orang Ahli Dewan Rakyat. Dari jumlah Ahli-ahli Parlimen yang menghadiri persidangan-persidangan tersebut hanya seorang sahaja daripada parti Pembangkang dan seorang lagi adalah ahli bebas (Independent).

Saya tidak dapat memberi jumlah bilangan Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah menghadiri persidangan-persidangan tersebut, oleh kerana penyertaan mereka di persidangan itu adalah semata-mata di bawah urusan Persatuan Parlimen Komanwel di cawangan-cawangan negeri masing-masing.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi peluang lebih banyak lagi kepada Parti Pembangkang untuk pergi keluar negeri?

Tuan Yang di Pertua: Perkara ini tidak bersangkut-paut dengan soalan asal.

Tuan Ng Hoe Hun: Ada bersangkutan dengan C.P.A. Saya hendak tahu, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi peluang lebih banyak lagi kepada Ahli-ahli Parti Pembangkang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya akan timbangkan, tetapi bilangan itu mestilah adil pada pihak Kerajaan dan pada pihak Pembangkang menurut bilangan Ahli-ahli yang ada dalam Dewan ini.

JALAN RAYA KUALA OYA/MUKAH

2. **Tuan Latip bin Haji Dris** minta Perdana Menteri menyatakan samada sesebuah projek yang tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Kedua dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan dan jika ya samada beliau akan menimbangkan membubuh tar pada pertengahan tahun 1973 ke atas jalanraya Kuala Oya/Mukah sejauh 17 batu itu yang dianggap penting di daerah itu seperti yang ditegaskan oleh Jurutera Bahagian dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bahagian yang telah diadakan di Sibul pada 27hb April, 1971.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, projek memperbaiki jalanraya Kuala Oya/Mukah sejauh 17 batu itu tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Kedua. Walau bagaimanapun projek ini mungkin dapat diberi pertimbangan semasa Kajian Semula Setengah Peringkat Rancangan Malaysia Kedua (Mid-Term Review) dengan syarat ianya terlebih dahulu diperakukan oleh Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Bahagian dan Negeri mengikut keutamaan dalam projek-projek mereka itu.

JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERSARAAN

3. **Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilakah satu Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengkaji masaalah-masaalah pesara-pesara demi tujuan untuk mengatasi kesengsaraan yang diakibatkan oleh kenaikan harga barang-barang dengan cara menaikkan pencen-pencen mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah memberitahu di dalam Persidangan Dewan yang lalu bahawa sebuah Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan dengan Tan Sri Syed Zahiruddin bin Syed Hassan,

bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebagai Pengerusi untuk menimbangkan dan memperakukan prinsip-prinsip bagi faedah-faedah persaraan. Satu daripada tugas-tugas Jawatankuasa itu ialah untuk mengkaji semula kadar pencen dan elaun bersara yang dibayar kepada pesara-pesara yang ada sekarang.

Jawatankuasa tersebut masih menjalankan penyiataan-penyiasatannya. Oleh sebab ada banyak ahli-ahli perscorangan dan pertubuhan yang hendak mengemukakan pendapat masing-masing kepada Jawatankuasa ini, Jawatankuasa ini terpaksa melanjutkan lagi masa untuk menimbangkan perkara itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak memberitahu tarikh Suruhanjaya ini boleh menyiapkan laporannya, bolehkah beliau memberitahu satu masa yang tetap?

Perdana Menteri: Jawatankuasa ini ada memohon persetujuan Kabinet supaya melanjutkan tempuh pekerjaannya sepuluh bulan lagi.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Suruhanjaya yang dilantik itu terdiri dari berapa orang ahli dan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini nama-nama mereka?

Perdana Menteri: Saya berkehendakkan notis.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah orang-orang yang telah bersara dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya itu? Kalau tidak:

(a) Apa sebabnya tidak;

(b) Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan semula melantik satu atau dua orang menjadi Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya itu?

Perdana Menteri: Pengerusinya sendiri ialah seorang yang telah bersara daripada jawatan Kerajaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau begitu, kenapa tidak boleh selesai perkara ini, Tuan Yang di Pertua?

Tuan Yang di Pertua: Apa pertanyaan Ahli Yang Berhormat?

Tuan Ng Hoe Hun: Kenapa perkara ini tidak boleh selesai?

Tuan Yang di Pertua: Perkara apa yang tidak boleh selesai?

Tuan Ng Hoe Hun: Perkara pencen tidak boleh selesai langsung padahal Pengerusinya seorang yang telah bersara.

Tuan Yang di Pertua: Barangkali belum sampai masanya.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak tahu, bila boleh selesai?

Perdana Menteri: Saya telah terangkan tadi bahawa Jawatankuasa ini berkehendakan masa sepuluh bulan lagi untuk menyelesaikan perkara ini.

SURUHANJAYA HAKIM HARUN—LAPURAN

4. **Tuan Chan Yoon Onn** minta Perdana Menteri menyatakan semenjak Suruhanjaya Gaji Harun telah diberi tempuh enam bulan lagi hingga hujung tahun ini untuk menyiapkan penyiataannya terhadap gaji dan keadaan bekerja di dalam badan-badan berkanun dan separa-Kerajaan:

- (a) sudahkah Suruhanjaya itu menyiapkan kerjanya dan mengemukakan Laporannya kepada Kerajaan dan jika belum, apakah sebab-sebab kelengahan itu;
- (b) samada pihak kesatuan-kesatuan yang berkenaan dibenarkan mengkaji laporan itu dulu dan membuat teguran sebelum syor-syornya dilaksanakan;
- (c) samada syor-syor Suruhanjaya akan dipakai bagi semua pihak berkuasa tempatan termasuk Majlis-majlis Tempatan di Malaysia Barat; dan
- (d) samada Kerajaan akan membayar tunggakan gaji baru yang disyorkan nanti mulai dari 1-1-70 sebagaimana yang dibayar kepada Pegawai-pegawai Kerajaan, Guru-guru dan Ahli-ahli Pasukan Tentera.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Suruhanjaya yang diketuai oleh Hakim Harun telahpun selesai menjalankan penyiasatan-penyiasatannya. Pada masa ini Suruhanjaya itu adalah sedang menyiapkan laporannya. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bidang tugas Suruhanjaya ini meliputi bukan sahaja badan-badan berkanun bahkan juga pihak-pihak berkuasa tempatan. Oleh itu Suruhanjaya ini terpaksa menyiasat syarat-syarat perkhidmatan bagi 513 buah badan-badan yang terlibat. Laporan mengenai "pihak-pihak berkuasa tempatan" adalah dijangka akan dikemukakan kepada Kerajaan pada penghujung bulan ini dan laporan mengenai "badan-badan berkanun" akan dikemukakan tidak lama lagi selepas itu.

Kerajaan telahpun melanjutkan tempuh bagi Suruhanjaya ini mengemukakan laporan-laporannya memandangkan kepada tugas-tugas yang berat Suruhanjaya itu. Sebelum Kerajaan berpeluang mengkaji laporan-laporan Suruhanjaya Hakim Harun ini tentulah saya fikir tidak kena pada tempatnya bagi saya hendak membuat jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu.

QUOTA IMPOT BERAS

5. Tuan Latip bin Haji Idris minta Perdana Menteri menyatakan:

- jumlah angka tan quota beras yang diberikan kepada pedagang-pedagang di Sarawak dalam tahun 1972;
- jumlah quota beras yang diberikan kepada orang-orang bukan bumiputra;
- jumlah quota beras yang diberikan kepada orang-orang bumiputra;
- jumlah quota beras yang diberikan kepada Perbadanan Ekonomi Negeri Sarawak; dan
- syarat-syarat tertentu yang perlu ada untuk mendapat quota tersebut pada masa sekarang ini, dan masa yang diambil untuk menjawab surat-surat permohonan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua,

- Sejumlah 49,074 tan quota impot beras telah diperuntukkan kepada pengimpot-pengimpot di Sarawak dalam tahun 1972;
- Jumlah quota impot beras yang telah diperuntukkan kepada orang-orang

bukan bumiputra di Sarawak pada tahun 1972 ialah sebanyak 43,578 tan;

- Jumlah quota impot beras yang telah diberi kepada orang-orang bumiputra di Sarawak dalam tahun 1972 ialah sebanyak 696 tan;
- Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak diperuntukkan 4,800 tan dalam tahun 1972.
- Quota bagi pengimpotan beras adalah bergantung kepada beberapa pertimbangan. Pertimbangan yang utama adalah keadaan pengeluaran beras tempatan iaitu dengan peruntukan beras itu, paras harga tempatan tidak akan terlibat.

Berkenaan dengan syarat-syarat bagi pengimpot-pengimpot mereka hendaklah:

- mempunyai lesen borang menjual beras, yang masih sah;
- membeli $\frac{1}{2}$ tan beras stockpile Kerajaan bagi tiap-tiap satu tan beras yang diimpot (bagi Malaysia Barat). Bagi Sarawak pula, mereka hendaklah membeli 1 tan beras stockpile Kerajaan bagi tiap-tiap 2 tan beras yang diimpot;
- mendapatkan "bank guarantee" bernilai sebanyak \$125 bagi tiap-tiap satu tan beras stockpile Kerajaan yang dibeli olehnya mengikut ratio masing-masing.

Pada umumnya permohonan-permohonan untuk mendapatkan quota impot beras adalah diproseskan dalam masa selewat-lewatnya sebulan.

KONSOL TAIWAN DI MALAYSIA

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau bercadang menutup Konsel Taiwan di Malaysia dan tidakkah dakwaan Taiwan bahawa semua orang-orang Cina di Malaysia ini adalah rakyat Taiwan menjadi batu penghalang terhadap usaha-usaha Kerajaan hendak menyatu-padukan rakyat dari semua bangsa dalam negeri ini supaya menumpukan taat setia kepada negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, pada masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk menutup Konsulet Taiwan di Kuala Lumpur kerana kita masih lagi mempunyai hubungan perniagaan dan juga

banyak lagi penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di sana.

Pada fikiran saya Taiwan boleh membuat apa-apa tuntutan mereka suka, tetapi soalnya ialah adakah warganegara keturunan Cina di Malaysia ini sanggup menerimanya. Jikalau sesiapa sanggup, ia dengan senang hati boleh mengambil kerakyatan Negeri Taiwan tetapi ia terpaksa meninggalkan Malaysia.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan perkara orang-orang Cina di Malaysia, ada warganegara Taiwan, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu siapakah mereka ini dan apakah tindakan Kementerian telah ambil?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya tak dapat menerangkan perkara ini dengan lanjut, tetapi seperti yang saya telah nyatakan tadi, kalau siapa-siapa yang suka hendak menjadi rakyat Taiwan, itu terpuanglah kepada dia, tetapi dia bolehlah meninggalkan Malaysia.

BANGUNAN MAHKAMAH

7. Tuan R. C. M. Rayan minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa bangunan Mahkamah Bandar di Raja Kuala Kangsar adalah dalam keadaan yang sangat buruk dan tidak selaras dengan kemuliaan bandar di Raja dan jika ya, samada beliau bercadang hendak membina sebuah bangunan Mahkamah yang kemas-kini di sana.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, buat masa ini Kerajaan belum bercadang membina sebuah bangunan Mahkamah yang baru di Kuala Kangsar, memandangkan keadaan yang lebih mendesak di tempat-tempat lain.

Walau bagaimanapun kerja-kerja membaiki dan meminda bangunan yang ada sekarang ini akan dibuat apabila perlu daripada semasa ke semasa.

PERNAS—KAKITANGAN YANG BERKHIDMAT

8. Tuan Yeoh Teck Chye minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai orang yang sedang berkhidmat dengan PERNAS hingga hari ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya suka menerangkan kepada Dewan ini berkenaan dengan perhubungan PERNAS dengan Kerajaan. PERNAS ialah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah kuasa Akta Syarikat-syarikat, 1965. Dengan sebab itu perhubungan langsung di antara Kerajaan dengan PERNAS adalah terhad kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar-dasar Kerajaan terhadap syarikat itu sebagai pihak yang meminjamkan wang kepadanya dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Oleh hal yang demikian soalan-soalan mengenai dasar-dasar serta perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh syarikat itu tidaklah dapat saya terangkan kepada Dewan ini. Terpuanglah kepada Lembaga Pengarah Syarikat itu samada hendak memberi maklumat-maklumat seperti itu kepada siapa-siapa juga termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara ini adalah selaras dengan peraturan-peraturan yang diamalkan oleh syarikat-syarikat lain yang ditubuhkan di bawah Undang-undang yang tersebut.

KOMINIS DI MALAYSIA TIMUR—KEGIATAN

9. Tuan Sulaiman bin Bulon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa kegiatan-kegiatan Kominis di Malaysia Timur semakin menjadi-jadi apakah langkah-langkah baru yang telah diambil oleh pihak Kerajaan selain daripada gerakan-gerakan tentera untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan mereka itu dan adakah apa hubungannya di antara pengganaspengganas Kominis di Malaysia Timur dengan pengganaspengganas Kominis Malaysia Barat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang tegas untuk melibatkan semua Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Jabatan-jabatan awam dan sambil itu pula memperhebatkan rancangan-rancangan pembangunan luarbandar di sekitar negeri Sarawak. Untuk mencapai tujuan ini, Bahagian Ketiga Sarawak telah diistiharkan sebagai Kawasan Keselamatan Khas. Area Security Unit dan Pasukan Kawalan telah ditubuhkan, pemindahan beramai-ramai bagi

orang Iban dikendalikan dan Pegawai-pegawai Kerajaan dari semua Jabatan-jabatan telah memperhebatkan lawatan-lawatan ke kawasan-kawasan luarbandar mengendalikan perang urat saraf, dan memberi nasihat-nasihat dan bantuan kepada penduduk-penduduk.

Setakat yang diketahui Parti Kominis Kalimantan Utara tiada membuat sebarang hubungan dengan Parti Kominis Malaya dan juga tiada mendapat apa-apa pertolongan atau arahan dari Parti Kominis Malaya.

RAWATAN KE CINA

10. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada pihak-berkuasa yang berkenaan akan menyegerakan permohonan hendak pergi ke negeri Cina untuk menyelamatkan nyawanya iaitu daripada seorang yang sakit tenat berumur lebih daripada 45 tahun yang telah diakui oleh doktor-doktor Kerajaan Malaysia bahawa ia berkehendakkan rawatan di negeri Cina Kominis dengan tidak payah dia melalui peraturan-peraturan biasa, misalnya melalui Cawangan Khas dan sebagainya yang memakan masa.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, pada pendapat saya seseorang yang "sakit tenat" atau "seriously ill" seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tentulah tidak berdaya untuk membuat perjalanan laut atau udara ke negeri Cina walaubagaimana segera pun permohonan itu diluluskan. Mengikut dasar Kerajaan kemudahan untuk berubat di negeri Cina diberi bukanlah kerana seseorang itu "sakit tenat" atau "seriously ill" tetapi kerana penyakit seseorang itu tidak dapat dirawat di dalam negeri ini. Pada pukulratanya tempoh masa yang diambil untuk menimbang sesuatu permohonan itu ialah di antara 3 minggu dan sebulan. Oleh kerana tempoh masa memproseskan permohonan-permohonan itu adalah dianggap berpatutan, maka Kementerian saya tidak bercadang hendak mengubah peraturan-peraturan yang berjalan sekarang.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Seorang buta dan sudah masuk jel, kalau dia memohon pergi ke negeri Cina hendak membuat pemeriksaan ke atas matanya, bolehkah dibenarkan dia pergi?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya sudah jelaskan tadi, jika penyakitnya itu tidak dapat diberi rawatan di dalam negeri, maka permohonan itu bolehlah ditimbangkan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar ada beberapa kali pesakit-pesakit yang diakui oleh seorang doktor tidak boleh dirawat di sini maka tidak diberi kebenaran pergi membuat rawatan di Republik Rakyat Cina, tetapi disuruh oleh Jabatan Imigresyen pergi ke Hospital Besar untuk diperiksa oleh doktor-doktor di hospital dahulu.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, ini menjadi bukti menunjukkan boleh jadi rawatan itu tidak boleh didapati di dalam kalangan swasta, tetapi mungkin terdapat di dalam Kementerian Kesihatan yakni melalui rumah-rumah sakit Kerajaan maka dengan sebab itulah disuruh pergi ke hospital-hospital Kerajaan sebelum diluluskan permohonannya untuk berubat ke negeri Cina.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa doktor-doktor di swasta sedar kemudahan yang ada di Hospital Kerajaan, oleh sebab itu doktor-doktor private pun ada kebolehan untuk mengakui pesakit-pesakit yang perlu mendapat rawatan ke negeri Cina.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya tidak menyentuh tentang kebolehan doktor-doktor private mungkin kelengkapan ataupun alat-alat mereka itu kurang daripada hospital Kerajaan, apa lagi dalam perkara penyakit-penyakit yang kronik.

POLARASASI DI KAMPUS UNIVERSITI MALAYA

11. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan samada Menteriannya telah membuat apa-apa kajian mengenai masalah polarisasi di kampus Universiti Malaya dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menyekat polarisasi sedemikian.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, sebagai jawapan saya, silalah Ahli

Yang Berhormat itu melihat jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kepada soalan daripada Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang pada 8hb Disember, 1972.

SAHAM—PEMBELIAN PEKERJA SYARIKAT

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana langkah telah dibuat supaya pekerja-pekerja kilang dan perusahaan dapat membeli saham-saham kilang dan perusahaan di tempat mereka bekerja.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, saya suka menyatakan bahawa saya bersetuju dengan dasar pekerja-pekerja diberi peluang membeli saham di syarikat-syarikat di mana mereka bekerja. Oleh yang demikian di mana yang boleh saya telah memberi galakan kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan sahamnya kepada orang ramai supaya mengkhaskan sebahagian daripada saham-saham itu untuk pekerja-pekerja mereka. Sekiranya perlu, saya juga telah mengesyorkan kepada syarikat-syarikat tersebut supaya membuat peraturan dengan bank-bank untuk memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja yang tidak mampu membayar harga saham-saham itu dengan segera dan harga saham-saham itu bolehlah dipotong dari gaji mereka secara beransur-ansur.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi keterangan dalam Dewan ini tentang anggaran yang difikirkan ataupun dirancang oleh Yang Berhormat Menteri itu untuk menayakan kehendak supaya pekerja itu dapat membeli saham di tempat mereka bekerja bagaimana yang saya dengar ini adalah satu kehendak daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, setakat ini pihak Kementerian cuma menggalakkan dan membiarkan kepada syarikat-syarikat itu menentukan banyak manakah saham-saham itu yang akan mereka perseujui untuk diberi kepada pekerja-pekerjanya.

TANAH TINGGI BARIO— PENYIASATAN PERTANIAN

13. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kerajaan akan menjalankan suatu penyasatan pertanian untuk mengetahui samada tanah-tanah bukit di Sarawak itu sesuai untuk tumbuh-tumbuhan berhawa sederhana secara besar-besaran.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, jika Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Beram itu memaksudkan Tanah Tinggi Bario di Bahagian Keempat dan Long Semado dan Ba Kelalan di Bahagian Kelima, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak telah menjalankan siasatan Kajian Tanah Peninjau (Reconnaissance Soil Survey) untuk menilai tanaman-tanaman yang boleh diusahakan di sana. Walaupun ada didapati tempat yang sesuai bagi tanaman hawa sederhana seperti sayur-sayuran, dusun buah-buahan am dan padang ragut, untuk ternakan usaha bagi memajukannya cara besar-besaran adalah sukar kerana jauh terpencil dari penduduk dan tiada jalan pengangkutan ke situ.

KEMALANGAN DAHSYAT DI JALAN RAYA

14. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa kemalangan jalanraya yang dahsyat selalu berlaku di jalanraya Utara/Selatan berhampiran dengan Simpang Rengam dan Ayer Hitam, Johor, dan jika ya, apa tindakan telah, sedang dan akan diambil untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan seperti itu daripada berlaku lagi.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, saya sedar bahawa ada kemalangan berlaku di sepanjang jalan itu. Jalan itu bukanlah jalan yang lurus dan tanda-tanda isyarat ada dipasangkan di situ untuk memberi amaran kepada pembawa-pembawa kenderaan. Baru-baru ini saya telahewartakan had laju 30 b.s.j. di sepanjang Kampung Bukit Batu. Daripada tahun ini Jabatan Kerja Raya telah membaiki jalan ini bagi mengelakkan kegelinciran dan juga membetulkan selekoh-selekoh di beberapa

tempat. Sebab-sebab utamanya berlaku kemalangan ialah kerana kecuaian pengguna-pengguna jalanraya yang menjalankan kenderaan terlalu laju. Saya telah pun membawa perkara ini kepada Jabatan Kerja Raya supaya langkah sewajarnya dapat diambil bagi membaiki jalan tersebut, dengan langkah tersebut dan juga dengan kerjasama orang ramai terutama sekali pemandu kenderaan adalah diharap kemalangan dapat dielakkan di situ.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar baru-baru ini ada satu kemalangan yang mana 8 orang telah meninggal dunia dalam kemalangan itu. Menteri mengatakan langkah-langkah akan diambil dan di antara langkah-langkah yang akan diambil itu adakah Menteri yang berkenaan mencadangkan barangkali alignment jalan itu tidak berapa sesuai dan patut diperhatikan oleh Menteri yang berkenaan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, kemalangan yang baru itu masih lagi disiasat sebagai Police case. Saya tak boleh terangkan, kerana itu ada inquiry berkenaan dengan kematian, tetapi yang saya sendiri telah berhubung dengan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Ghani Gilong sebagai Menteri Kerja Raya dan Tenaga dan saya telah berhubung dengan Pengarah Kerja Raya di Johor, seberapa daya yang kita boleh perbaiki, kita perbaiki, tetapi kalaulah waktu hujan terutama sekali di kawasan-kawasan yang licin sudah mulai roughen the surface, tetapi kalau kita berhati-hati, tentulah kita boleh mengelakkan kemalangan itu.

KAYU BALAK—PENGUSAHA

15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada semua perjanjian-perjanjian di antara pengusaha balak tempatan dan pengusaha balak luar negeri menguntungkan Malaysia, samada perkara ini diumumkan kepada orang ramai dan samada terdapat perjanjian-perjanjian sulit dibuat dan jika ya, bagaimana perkara ini menguntungkan.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, nampaknya maksud soalan ini tidak beberapa jelas dan jawapan yang tepat amatlah susah hendak diberikan. Pada keseluruhannya pengusaha-pengusaha

kayu balak boleh mendatangkan keuntungan kepada Malaysia dengan tanaman modal, mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, memberi beberapa peluang kerja kepada rakyat Malaysia dan juga memberi latihan kepada pekerja-pekerja tempatan yang bekerja dalam perusahaan membalak dan kilang-kilang perusahaan kayu. Dengan itu penyertaan pengusaha-pengusaha asing akan dibenarkan sekiranya ada mendatangkan keuntungan kepada Malaysia termasuk keuntungan dari segi teknologi yang lebih baik. Penubuhan Kompleks Kayu-kayu di Dungun misalnya, mungkin memerlukan penyertaan pengusaha-pengusaha asing dan syarat-syarat penyer-taannya akan ditetapkan oleh Kerajaan yang ada berkenaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa ada setengah-setengah pengusaha balak yang mengambil pekerja-pekerja daripada luar negeri dengan beberapa alasan, kononnya pekerja itu mahir, sedangkan pekerja-pekerja seperti itu boleh didapati juga daripada rakyat Malaysia. Jika sedar, apakah tindakan untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sebagai dasar, Kerajaan selalu tidak memberi kebenaran bagi orang-orang untuk mendapatkan permit kerja, melainkan ada bukti yang menunjukkan bahawa pekerjaan itu tidak dapat dijalankan oleh rakyat Malaysia.

BUKU-BUKU TEKS

16. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan kepada tingginya harga buku-buku teks sekarang ini samada Kerajaan akan mengambil-alih tanggungjawab untuk mencetak buku-buku teks dan menjualnya dengan harga mencetaknya.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, soalan yang serupa telah dikemukakan ke dalam Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka pada 15hb Ogos yang lepas, dan saya harap Ahli Yang Berhormat dapat mengkaji jawapan yang telah dibuat pada tarikh tersebut mengenai soalan yang sama.

JURURAWAT DI HOSPITAL SUNGAI PETANI

17. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa:

- (a) seorang jururawat yang lumpuh ada berkhidmat di Hospital Sungai Petani;
- (b) seorang jururawat yang mengidap sakit otak dan yang telah menumbuk seorang doktor masih berkhidmat; dan
- (c) kucing-kucing berkeliaran di Hospital Sungai Petani; dan jika sedar, mengapakah perkara-perkara ini dibiarkan berlaku.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Saya berasa sangat hairan bahawa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soalan-soalan berkenaan dengan penyakit seorang jururawat yang berkhidmat di Hospital Sungai Petani di Dewan ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ada Peraturan-peraturan Perkhidmatan yang telah menetapkan peraturan-peraturan yang tegas untuk tindakan jabatan apabila terdapat pegawai berkhidmat yang tidak sehat dan yang masih berkhidmat. Berkenaan dengan soalan (a), tindakan jabatan yang sewajarnya bagi sebuah Jumaah Lembaga Perubatan telah diambil.
- (b) Tidak ada kejadian seperti itu dilaporkan.
- (c) Saya bersetuju bahawa kucing-kucing yang berkeliaran di Hospital Sungai Petani itu adalah merupakan satu masalah. Kakitangan-kakitangan hospital telah mencuba sedaya-upaya mereka untuk menangkap kucing-kucing ini dan dihantar ke Jabatan Haiwan. Saya suka merayu supaya kawasan hospital itu tidak dijadikan tempat membuang binatang-binatang yang berkeliaran dan yang tidak dikehendaki lagi.

KAMPUNG BARU SALAK SOUTH— MEMBAIKI PARIT

18. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Teknologi,

Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan adakah beliau sedar bahawa kerja-kerja membaiki parit, jalanraya dan pembuangan najis manusia di Kampung Baru Salak South, Selangor, itu telah terhenti dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, sebenarnya pertadbiran Kampung Baru Salak South Selangor adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Selangor dan bukannya di bawah tanggungjawab Bandaraya Kuala Lumpur atau Kementerian saya dan dengan demikian pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sepatutnya ditujukan kepada pihak yang berkenaan itu.

Walaubagaimanapun Kementerian saya telah merujuk pertanyaan itu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan jawapan yang diterima adalah seperti berikut:

Parit tanah (earth drain) yang dimaksudkan itu telah diperbaiki dan digantikan dengan parit concrete sepanjang 1,500 kaki di dalam bulan November, 1972 ini. Pihak Jabatan Kerja Raya telah memperbaiki jalan yang dilalui oleh bas "bus route" di dalam Kampung Baru ini sejauh 1½ batu, menjadi "rubberised road" dalam bulan November, 1972 ini juga. Seorang perempuan tua ditugas mengangkat najis manusia sekali di dalam seminggu iaitu di dalam kawasan pusat membeli belah sahaja. Di sini masih ada terdapat di antara 25 hingga 30 buah rumah bangunan lama sahaja yang masih menggunakan "bucket system", bangunan-bangunan yang baharu adalah diwajibkan menggunakan jamban septic tank. Rumah-rumah lain adalah menggunakan jamban lobang "pit latrine" lagi.

KELAPA SAWIT—PENANAMAN

19. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) apa usaha telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mempercepatkan penanaman kelapa sawit di Tanjong Limbang dan bilakah satu kilang

kelapa sawit akan didirikan untuk Rancangan Kelapa Sawit Batu Danau; dan

- (b) samada beliau bercadang hendak memperluaskan penanaman kelapa sawit di lain-lain kawasan dalam Bahagian Kelima dan Bahagian Keempat.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Rancangan Kelapa Sawit Batu Danau ini meliputi kawasan seluas 720 ekar di Tanjong Limbang yang diusahakan oleh Jabatan Pertanian Negeri itu sebagai Rancangan panduan. Jabatan ini sedang mengkaji kemudahan-kemudahan pemasaran termasuk pengangkutan hasil-hasil kelapa sawit ataupun akan membina sebuah kilang yang kecil bagi memproses hasil tanaman bagi kawasan percubaan itu sahaja. Timbangan akan juga diberi pemberian kilang yang besar jika kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit ditambah di daerah itu.
- (b) Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima permohonan bagi meluluskan tanaman kelapa sawit di bahagian-bahagian Keempat dan Kelima selain daripada kawasan tambahan yang telah ditanam di Bahagian Keempat. Sehingga akhir 1972, keluasan yang telah ditanam oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dengan kelapa sawit ialah 6,000 ekar, 4,000 ekar bagi Rancangan Kelapa Sawit Bukit Peninjau dan 2,000 ekar bagi Rancangan Kelapa sawit Sungai Tangit.

Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak merancang tanaman kelapa sawit bagi 2,000 ekar lagi di Sungai Tangit dalam 1973; 15,400 ekar di Kawasan Lambir/Subis Dalam, 1974; dan 24,000 ekar dijangka akan ditanam hingga tahun 1975. Selain daripada Rancangan Tanaman Kelapa Sawit oleh Lembaga Kemajuan Tanah itu ialah tanaman oleh pekebun-pekebun kecil yang berjumlah 1,000 ekar akan dimajukan antara 1973—1975.

Tuan Awang Bungsu bin Abdullah: Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri

Pertanian dan Perikanan akan menambahkan penanaman kelapa sawit di Bahagian Kelima besar-besaran oleh kerana saya tahu rakyat di sana telah merayu dengan Kerajaan sudah tiga, empat, kali belum ada apa-apa lagi. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jaminan akan menambah penanaman kelapa sawit antara 20,000 hingga 30,000 ekar di Bahagian Kelima.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ini mempunyai rancangan yang baik, saya harap silalahajukan cadangan ini kepada Jabatan Pertanian Negeri Sarawak supaya dikaji dengan seberapa segera.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen ada mengatakan kawasan Tanjong Limbang ada menanam 15,000 ekar kelapa sawit dan Kerajaan hendak mendirikan satu kilang kelapa sawit yang kecil. Soalan saya apa sebabnya hendak didirikan kilang yang kecil dan tidak kilang yang besar.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat ini tidak faham. Kilang kecil ini sekarang untuk panduan yang 720 ekar, apabila sudah banyak kita akan dirikan yang besar. Saya sudah terangkan tadi.

TUNGGAKAN GAJI GURU-GURU

20. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa pembayaran gaji tunggakan bagi guru-guru di negeri Perak telah dilewatkan.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, soalan ini telahpun juga dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan pada 22hb Ogos, yang lepas dan oleh itu saya harap Ahli Yang Berhormat ini akan dapat mengkaji jawapan yang telah diberi kepada soalan tersebut.

KAYU BALAK—EKSPOT

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada benar bahawa Malaysia banyak mengeksport kayu-kayu balak yang kurang mutunya keluar negeri, jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan perkara ini.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, jawapannya tidak benar, kebanyakan kayu gergaji yang diekspot adalah mengikut Aturan Pemeringkatan Malaya (Malayan Grading Rules), yang telah menjadi asas ekspot kayu gergaji selama beberapa tahun yang lepas. Kayu-kayu yang diekspot ke pasaran yang berkehendakkan mutu tinggi adalah mengikut peringkat-peringkat kayu yang ada didapati dalam Aturan Pemeringkatan Malaya yang telahpun diakui oleh beberapa pasaran kayu dunia, misalnya pasaran kayu di Amerika Syarikat, Eropah dan Australia. Pemeringkatan biasanya diasaskan kepada keperluan pasaran tersebut. Sungguhpun begitu, ada juga kayu gergaji yang dibenarkan diekspot tanpa mengikut pemeringkatan tersebut kerana dianggapkan sebagai ekspot kepada pasaran yang tidak memerlukan kayu bermutu tinggi, misalnya di pasaran Timur Tengah. Ekspot kayu yang kurang mutu ke pasaran yang memerlukan mutu tinggi hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Hutan.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Di antara pengeksport kayu Malaysia keluar negeri ini berapa banyakkah yang pengeksport itu terdiri daripada bumiputra.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Ini susah hendak saya jawab, kerana ianya mengenai statistik, saya berkehendakkan notis.

KERANI KAUNTER DI PEJABAT POS SITIAWAN

22. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan kerani kaunter di Pejabat Pos, Sitiawan, Perak, untuk melayan orang ramai dan jika ya, samada beliau akan menambah sekurang-kurangnya seorang kerani kaunter lagi di situ.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, pada masa ini tidak ada kekurangan kerani di Pejabat Pos, Sitiawan, Perak, kerana telah ada 4 orang pegawai kerani dan seorang daripada mereka itu menjadi Ketua Pos.

Di samping itu ada dua orang lagi pegawai tambahan. Arahan telahpun diberi kepada

kakitangan-kakitangan tersebut untuk menolong mana-mana kaunter yang menghadapi kesibokan melayan orang ramai. Jika keadaan memerlukan, seorang lagi pegawai kerani boleh ditempatkan untuk mengadakan pekerjaan-pekerjaan tambahan.

SURAT-SURAT TULISAN TIONGHUA

23. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar akan sungutan orangramai di Sitiawan terhadap kelambatan sampainya surat-surat yang dialamatkan dalam tulisan Tionghua, jika ya, samada beliau akan menempatkan seorang pegawai yang boleh membaca tulisan Tionghua di sana supaya surat-surat sedemikian akan mendapat perhatian segera.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, sepanjang yang diketahui, Kementerian ini tidak pernah menerima sungutan berkaitan dengan kelewatan menyerahkan surat-surat yang mengandungi alamat-alamat dalam tulisan Tionghua. Jika ada kelambatan, ini adalah disebabkan pegawai yang bertugas terpaksa menterjemahkan tulisan Tionghua ke bahasa Malaysia sebelum surat-surat diserahkan kepada postman. Untuk mengekalkan kelambatan ini, diharap alamat-alamat surat dapat ditulis dalam bahasa Malaysia.

IJAZAH-IJAZAH UNIVERSITI INDIA

24. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah satu keputusan tidak diambil ke atas Ijazah-ijazah Universiti India dan lain-lain ijazah universiti yang tidak disamakan.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, keputusan Kerajaan mengenai perkara ini telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 20hb Disember yang lepas ketika menggulung perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan, 1973.

GURU-GURU DALAM KATEGORI B

25. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang soal tawaran yang lebih baik lagi bagi 25,329 orang guru dari kategori B, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua sebenarnya Kerajaan telahpun menimbangkan rayuan-rayuan supaya guru-guru dalam kategori B ditempatkan ke dalam kategori dan tanggagaji yang lebih baik lagi. Kerajaan telah menolak rayuan-rayuan itu kerana kategori dan tanggagaji-tanggagaji yang telah ditawarkan kepada guru-guru tersebut adalah sesuai dengan kelulusan-kelulusan mereka.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran menyatakan gaji-gaji atau tanggagaji yang ditawarkan kepada guru-guru tersebut adalah sesuai. Itu pendapat Kementerian Pelajaran, Tetapi adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa guru-guru tidak puas hati, dan oleh sebab itu mereka memohon ditawarkan tanggagaji yang lebih sesuai. Adakah beliau sedar tentang hasrat guru-guru, dan jika sedar, apakah tindakan Kementerian Pelajaran akan mengambil untuk menyelesaikan perkara ini?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, kalau Kementerian Pelajaran telahpun menerima rayuan-rayuan itu, bererti Kementerian Pelajaran telahpun sedar akan harapan daripada guru-guru dalam gulungan ini supaya mendapat tanggagaji yang lebih baik lagi. Dan seperti yang telah saya jawab tadi, Kerajaan telah menimbangkan rayuan mereka itu dan Kerajaan berpendapat bahawa tanggagaji yang diberikan kepada guru-guru ini sesuai dengan kelulusan mereka itu adalah menepati.

UBAT-UBAT DI HOSPITAL

26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar bahawa kerap kali berlaku kekurangan ubat-ubat di Hospital Besar, Alor Star dan bilangan doktor-doktor di Hospital Sungai Petani.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, jawapannya "tidak".

KESATUAN EKONOMI EROPAH (E.E.C.)—ROMBONGAN MALAYSIA

27. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan hasil lawatan Rombongan Perdagangan Malaysia ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.).

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, hasil daripada lawatan Rombongan Perdagangan Kain Malaysia ke negara-negara Pasaran Bersama Eropah dan negeri-negeri Skandinavia adalah seperti berikut:

Tempahan-tempahan yang sah	...	...	...	\$ 6,018,485
Sedang Dalam Perundingan	...	...	...	\$ 10,439,413
Jualan Tahunan Yang dijangkakan	...	...	...	M\$139,007,000

Ada beberapa pertanyaan untuk mendirikan usahasama bagi mengeluarkan kain-kain dan barang-barang buatan kain di Malaysia. Satu daripadanya ialah cadangan untuk menubuhkan satu kilang usahasama dengan pengusaha-pengusaha Denmark bagi mengeluarkan "acrylic socks" untuk diekspotkan ke Eropah, terutamanya Denmark. Dua lagi projek ialah pengeluaran "wollen and worsted suits and trousers" untuk pasaran di Itali dan Eropah, dan pengeluaran "hi-fashion knitwear" untuk pasaran di Perancis.

ASKAR-ASKAR THAI TERBUNUH

28. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau telah pastikan kebenaran tuduhan yang dibuat oleh pihak berkuasa di Selatan Thai bahawa enam orang askar Thai yang terbunuh dalam seranghendap yang diatitkan untuk gurilagurila kominis oleh Pasukan Keselamatan Malaysia dekat Kroh dalam bulan Oktober yang lalu, telah diseksa sebelum ditembak mati.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Hajj): Tuan Yang di Pertua, tuduhan itu tidak benar sama sekali.

LORI-LORI BESAR—MESIN MENIMBANG

29. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau telah mendapatkan mesin besar untuk menimbang lori-lori besar yang boleh membawa muatan lebih.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya telah mengadakan sebuah alat timbang yang besar

yang boleh menimbang kenderaan yang beratnya sehingga 40 tan di Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta yang baharu di Kuantan, Pahang. Usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kementerian ini dengan kerjasama daripada pihak polis untuk mengkaji kemungkinan menambah mesin-mesin timbang yang besar ataupun yang sedang di seluruh Malaysia Barat ini.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Dalam persidangan Parlimen yang lalu, saya telah menyoal Menteri Perhubungan berkenaan dengan mesin untuk menimbang lori-lori yang lebih muatan. Maka katanya, "Yang Berhormat boleh pergi sendiri di Pejabat Pemeriksa Kereta di Ipoh." Tetapi saya pergi berjumpa pegawai itu, ditunjukkan, "Ini tidak besar!" Katanya. "Yang besar ada di Butterworth". Kebetulan saya pergi berjumpa pegawai lalulintas di Perak. Katanya: "Ada satu sahaja di Seberang Perai, di Ipoh belum ada lagi." Jadi nampaknya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Ipoh itu tidak ada. Mengapakah tidak dibubuh dengan secepat mungkin?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Berhormat itu faham mesin besar ini kalau ditempatkan dengan tidak ada Pejabat Kenderaan yang baharu yang kita telah rancangan di Ipoh ini, sudah berapa lama kita menunggu tanah, tanahpun sudah dapat rekabentuknya (design) sedang dihabiskan dan apabila kita bina pejabat itu mesin yang besar itu akan ada di situ. Tetapi selain daripada itu mengikut rancangan hendak menyekat lori-lori yang membawa muatan berat ini, pihak polis dan kita tidak menunggu kepada binaan pejabat-pejabat kenderaan jalan ini tetapi kita adakan di simpang-simpang yang tertentu seperti di negeri Amerika, di negeri Eropah dan mana-mana juga. Ini kita sedang rancangan sekarang ini. Sabarlah, benda ini kalau ditaruh dengan tidak tentu pun, orang rosakkan. Kita hendak pakai pun tidak boleh nanti. Sama juga macam talipon luar bandar yang selalu dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

LESEN PENGANGKUTAN— KESALAHAN

30. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementeriannya ke

atas syarikat-syarikat pengangkutan yang menjalankan dua buah lori dengan menggunakan sebuah lesen pengangkutan jalanraya sahaja.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, dalam tahun 1972 sebanyak 5 kes telah dikesan kerana melakukan kesalahan menjalankan 2 buah lori dengan menggunakan sebuah lesen pengangkutan, dan penyiasatan terhadap perkara tersebut telahpun dijalankan. Tindakan untuk mendakwa di mahkamah kepada semua mereka yang terlibat sedang diambil. Saya meminta kerjasama bukan sahaja daripada Ahli Yang Berhormat ini tetapi kepada mana-mana juga Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai sekiranya dapat tahu, tolonglah berhubung dengan pejabat-pejabat yang berkenaan supaya dapat menjalankan siasatan yang akan dapat menolong negara kita dan menolong rakyat kita supaya tidak ada kena tipu dengan memakai dua tiga lori dengan sebuah lesen sahaja.

PEJABAT LALULINTAS JALANRAYA—KERJASAMA

31. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapakah tidak terdapat kerjasama antara Pejabat-pejabat Lalulintas Jalanraya dan Pejabat-pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di setengah-setengah negeri di Malaysia Barat.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya mintalah kerjasama Ahli Yang Berhormat dari Parit, Perak memberitahu Kementerian saya nama negeri atau kawasan di mana tiada kerjasama di antara Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor atau Berjentera dan Pejabat-pejabat Lalulintas Jalanraya dan dalam menguatkuasakan undang-undang supaya perkara ini boleh dibincangkan dan diperbaiki kerjasamanya.

Biasanya Pegawai Kementerian saya dan pihak Polis Lalulintas Jalanraya sentiasa bekerjasama dalam usaha menguatkuasa Undang-undang Lalulintas Jalan, 1958, di samping itu juga satu Pasukan Gerak Cepat atau Flying Squad; yang kita hendak cadangkan ini Highway Flying Squad telah ditubuhkan dalam negeri-negeri di Malaysia Barat di anggotai oleh Pegawai Polis Lalulintas Jalanraya dan Pendaftar dan

Pemeriksa Kereta-kereta Motor Negeri dengan tujuan untuk mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan perdagangan yang melakukan kesalahan-kesalahan lalu-lintas jalanraya.

PERNAS—PINJAMAN WANG

32. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapa banyakkah wang yang telah diuntukkan kepada PERNAS hingga sekarang; dan
- (b) samada Kementeriananya berpuashati dengan cara-cara wang itu digunakan.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di Pertua,

- (a) setakat ini Kerajaan telah memberi wang pinjaman sejumlah \$100 juta kepada PERNAS.
- (b) Kerajaan adalah berpuashati dengan cara-cara wang itu digunakan sehingga kini.

SYARIKAT DALAM PERNAS

33. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah syarikat dalam mana PERNAS telah menanamkan modal sejak ianya ditubuhkan dan berapakah jumlah wang yang terlibat.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua, saya suka menerangkan kepada Dewan ini berkenaan dengan perhubungan PERNAS dengan Kerajaan. PERNAS ialah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah kuatkuasa Akta Syarikat-syarikat, 1965. Dengan sebab itu perhubungan langsung di antara Kerajaan dan PERNAS adalah terhad kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar-dasar Kerajaan terhadap syarikat itu sebagai pihak yang meminjamkan wang kepadanya dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Oleh hal yang demikian, soalan-soalan mengenai dasar dalam serta perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh syarikat itu tidaklah dapat saya menjawabnya. Terpulanglah kepada Lembaga Pengarah syarikat itu samada hendak memberi maklumat-maklumat seperti itu kepada Ahli

Yang Berhormat itu. Perkara ini adalah selaras dengan peraturan-peraturan yang di-amalkan oleh syarikat-syarikat lain yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang sama.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN
USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (26hb Januari, 1973).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala-kepala B. 52 hingga B. 60, P. 52 hingga P. 60—

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya bangun menyambung jawapan saya yang telah ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu. Menjawab Yang Berhormat dari Bandar Melaka, saya telah jawab sekerat, saya tambah lagi di sini, mengenai perkara stevedoring ataupun syarikat-syarikat pemungkah barang di Pelabuhan Kelang. Lembaga Pelabuhan Kelang akan mengadakan pengambilan kakitangan-kakitangan (recruitment exercise) sebahagian kakitangan daripada Syarikat Stevedoring daripada empat buah ataupun tiga buah untuk masuk ke dalam perkhidmatan stevedoring ataupun Syarikat Mungkah-memungkah Barang-barang di Pelabuhan Kelang dengan cara yang flexible basis. Jadi saya tahu berkenaan dengan Pelabuhan Kelang telah beri pengistiharan dia hendaklah mendapatkan kelulusan kesihatan mengikut peraturan, seperti 55 tahun barangkali ini permanent job, tetapi dia ini I.M.G. Jadi adalah flexible, kita periksa dia walaupun dia 55 tahun. Kalau dia boleh kerja barang kali tenaga tidak begitu kuat seperti mereka yang berumur 35 tahun jadi macam-macam kerja kita boleh timbang, ini keadaan flexible. Begitu juga barangkali orang-orang yang sudah kena hukum sudah lama 15

tahun, 20 tahun dahulu, dia sudah baik keadaannya tentulah kita tidak tolak dia begitu walaupun ada those with criminal record will not be employed. Kita flexible, kita akan timbangan dari satu segi. Tetapi saya telah diberitahu oleh pihak Board dengan adanya pelabuhan ini mengendalikan semua buruh-buruh yang kerja di situ dapat diatur dengan baik, dilatih dengan baik supaya productivity akan dapat tinggi dan welfare atau kebajikan mereka itu dapat dijaga dengan baik. Dan saya harap Yang Berhormat itu saya ucap tahniah kepadanya sebagai Opposition Leader, saya harap dia more responsible kepada buruh dan kepada siapa juga kalau ada apa-apa janganlah tunggu Parlimen, kalau boleh tulis surat, ia boleh berhubung supaya sesiapa juga kita hendak bela bukan untuk ia menulis surat atau, tak cukup cakap di sini. Saya sudah jalankan kewajipan sebagai Menteri yang berkenaan. Saya minta kerjasama daripada pihak Opposition, terutama sekali daripada Leadernya sendiri.

Selain dari itu juga saya hendak menjawab sedikit Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah berkenaan dengan Pejabat R.I.M.V. Ipoh, tadi saya telah terangkan, yang lama kita tunggu sebab kita tidak ada bangunan yang baharu ini sebab tanah tapaknya sudah bertukar-tukar beberapa kali dan sekarang ini kita telah mendapat dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, Kementerian telah memperolehi sekeping tanah seluas lebih kurang 10 ekar di Ipoh dan perundingan sebagai menentukan bentuk dan kerja sebagai pembinaan baharu Pejabat R.I.M.V. Ipoh sedang diadakan.

Berkenaan dengan tanda had laju bagi lori-lori Singapura. Had laju bagi lori-lori Singapura adalah berlainan daripada lori-lori di Malaysia. Singapura boleh jadi jalannya sebak, bandarnya atau kawasannya barangkali kecil, jadi dia boleh menghadkan dengan 30 m.p.h. Sementara di Malaysia Barat pula lajunya 35 m.p.h. kerana jalannya jauh-jauh, kalau lapang terlampau slow kadang-kadang pemandunya mengantok, ini merbahaya juga. Jadi itu ada lebih 5 batu tetapi kita akan adakan pindaan berkenaan dengan Undang-undang Lalu-lintas. Saya harapkan pihak-pihak Pembangkang yang telah minta beberapa kali meminda undang-undang supaya diberatkan hukuman supaya lori-lori yang besar mengangkat balakkah

tidak lari laju-laju dan menyebabkan kemalangan jalanraya lebih banyak kematian pada hari ini. Itulah sebabnya saya katakan tadi ada dua had lori Singapura yang dimaksudkan apabila dia masuk ke Malaysia Barat ini dia kena hadkan juga had lajunya. Saya pun faham dan tahu, kadang-kadang orang keliru sebab ditulis dengan catnya sama hitam, jadi Singapura had 30 m.p.h. di sini 35 m.p.h. Hal ini Kementerian saya sedang merundingkan samada yang had 35 m.p.h. ini ditulis dengan cat merah supaya orang tahu di Malaysia ini hadnya merah, Malaysia punya 35 m.p.h. yang hitam Singapura itu di sini tidak boleh dipakai. Jadi orang tengok catnya 30 m.p.h.—itu Singapura. Kalau cat merah 35 m.p.h.—bukan bahagian Sardon Jubir; kadang-kadang mereka itu usik saya—25 m.p.h. lori lari 60 m.p.h. Sekarang kita hendak pinda undang-undang, kita tahu, tahan mereka yang lari kuat.

Berkenaan dengan pekerja-pekerja di rumah toll Slim River dan cadangan membuat bayaran one way collection, itu saya puangkan kepada rakan saya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Abdul Ghani Gilong, yang menjaga berkenaan dengan hal ini.

Berkenaan menyuruh pakai special tayar yang lebih baik di dalam Malaysia ini, manusia ada kebebasan memilih mereka hendak pakai mana satu hendak tahan lama mereka boleh bayar lebih sedikit kalau mereka mampu; mereka boleh pakai tayar yang baik. Mereka hendak pakai Goodyear-kah, Dunlop-kah dan lain-lain. Saya tidak hendak tuduh menetapkan satu-satu tayar, mereka akan berkata saya beri peluang kepada satu pihak atau monopoli.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor membangkitkan perkara berkenaan dengan majallah-majallah yang tidak diterima oleh penerima. Kalau beliau ada perkara-perkara yang tertentu, sila beri kepada saya dan saya akan serahkan kepada Pegawai Penyiasat untuk disiasat perkara ini. Jikalau secara umum sahaja boleh jadi majallah-majallah itu dihantarkan lambat, maka sampainya lambat ataupun dihantar sampai ke tempat orang yang menerima itu (addressee) itu tidak ada, dan orang lain yang menerima itu lambat juga. Saya mintalah supaya Ahli Yang Berhormat to declare individual cases supaya kita boleh siasat dan

kalau ada kelalaian kita akan mengambil tindakan kepada mereka yang ditugaskan menjalankan kewajipan kerana lewat bagi menyampaikan majallah-majallah ini.

Berkenaan dengan tapping telephones seperti mana kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, tapping of telephones, yang diamalkan oleh Jabatan Talikom, saya sukacita menerangkan kepada Dewan ini bahawa telephone tapping bukan hanya tidak dibuat oleh Jabatan Talikom, tetapi juga ianya tidak boleh dilaksanakan oleh kerana beribu-ribu panggilan yang dibuat oleh pelanggan-pelanggan tiap-tiap hari dan dikendalikan oleh common automatic mechanical switches tanpa melibatkan operator-operator di Jabatan Talikom. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu sendiri tahu ataupun taliponnya sendiri yang mana dia tahu dia kena tap, itu kenalah beliau berhubung supaya boleh disiasat atas perkara itu—tetapi tidak umum sahaja. Daripada Jabatan Talikom, kita tidak tap sesiapa punya, tidak boleh kalau hendak buat, kerana ianya automatic.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan

Tuan Pengerusi: Ini penjelasan macam mana?

Dr Tan Chee Khoon: Penjelasan tentang tapping, Tuan Pengerusi. Tadi Menteri yang berkenaan mengatakan Jabatan Talikom langsung tidak tapping telephone. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar bahawa Jabatan lain boleh tap telephonenya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Oleh kerana katanya Jabatan Talikom ini membuat tapping, saya mesti menjawab apa yang disoal. Kalau pejabat-pejabat lain, beri tahu pejabatnya, itu saya tidak tahu.

Sekarang ini kita menggunakan automatic, Ahli Yang Berhormat sendiri tahu sebagai doktor, kalau perkara yang technical, dia pusing sahaja melainkan dia ada jalan lain bagi department itu. Itu saya sendiri tidak tahu. Kalau ada complaint put up, the complaint with particulars which person, then we will enquire and we check it up.

Berkenaan dengan menggunakan surat-surat yang setem-setemnya sudah nampak bekas-bekas yang sudah dibuka, envelope pun sudah dibuka, atau dicensor daripada Pejabat Pos. Kita tidak ada menjalankan perkara-perkara ini. Kalau ada bukti-bukti yang setem itu sudah dibuka, boleh menulis komplek nanti boleh kita merujuk tentang harinya di mana, tetapi kita daripada Pejabat Pos tidak mengganggu surat-surat orang. Saya bercakap ini sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada Pejabat Pos.

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila duduk.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini sahajalah yang saya suka hendak menjelaskan dan menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sekali lagi saya ucapkan sebanyak terima kasih.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak usah menunggu pada Budget Meeting baharu hendak membawa perkara ini. Dalam Kementerian saya kalau ada apa-apa juga yang hendak diketahui, tolonglah berhubung dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Batu ia tahu kerana ia sudah lama berhubung dengan saya, jangan menunggu dalam Parlimen pada sidang-sidang Budget Meeting ini.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan seberapa daya upayanya kami akan memberi perkhidmatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai talipon yang kena potong, sebelum kena potong berhubunglah dengan saya dengan seberapa segeranya.

Mengenai soal talipon yang kena potong, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung terlebih dahulu terutama sekali Wakil Rakyat, begitu juga Ahli-ahli Majlis Undangan Negeri seberapa daya upaya bolehlah barangkali menyelamatkan, menyelesaikan perkara itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu. Mengikut Peraturan Tetap Dewan, waktu dalam masa perbahasan tidak boleh sesiapa pun Ahli menyampuk (interrupt) melainkan di atas dua perkara sahaja:

(i) Perkara berkenaan dengan Standing Order hendak menarik perhatian

kepada mana-mana Standing Order yang Ahli yang bercakap itu melanggar;

- (ii) Hendak menerangkan apa-apa dalam ucapannya yang dibuat oleh Ahli yang hendak bertanya itu, jikalau disalahfahamkan oleh Menteri misalnya yang menjawab, itu pun jika Menteri atau sesiapa yang bercakap itu memberi jalan (give way) dan juga dibenarkan oleh Tuan Pengerusi.

Dengan sebab itulah saya tahan Ahli Yang Berhormat itu bercakap tadi.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan tadi ialah oleh kerana kita ini di dalam masa Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Masa Jawatankuasa pun tidak boleh.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,039,200 untuk Kepala B. 52; \$5,516,400 untuk Kepala B. 53; \$4,662,200 untuk Kepala B. 54; \$3,666,300 untuk Kepala B. 55; \$3,300,800 untuk Kepala B. 56; \$5,217,500 untuk Kepala B. 57; \$4,204,800 untuk Kepala B. 58; \$39,984,200 untuk Kepala B. 59 dan \$10 untuk Kepala B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$57,734,263 untuk Kepala P. 52; \$28,169,603 untuk Kepala P. 53; \$11,369,100 untuk Kepala P. 54; \$778,020 untuk Kepala P. 55; \$6,815,050 untuk Kepala P. 56; \$1,232,010 untuk Kepala P. 57; \$4,734,520 untuk Kepala P. 59 dan \$30,000,000 untuk Kepala P. 60 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Kepala B. 62 dan P. 62—

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Pengerusi, saya mohon supaya perbelanjaan untuk tahun 1973 yang ditunjukkan di bawah Kepala B. 62 dan P. 62 yang berjumlah \$337,365,555 bagi Kementerian Kerja Raya dan Tenaga diluluskan.

Kepala B. 62—

Dengan mengambil Kepala B. 62 dahulu, sejumlah \$56,479,500 adalah diminta untuk perbelanjaan mengurus bagi Kementerian saya. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 1973

ini kalau dibandingkan dengan perbelanjaan tahun 1972 yang berjumlah \$51,598,493 maka ia menunjukkan pertambahan kira-kira \$4.9 juta. Tambahan peruntukan ini dikehendaki kerana pertambahan gaji kakitangan akibat dari pengambilan kakitangan tambahan juga kerana kenaikan gaji-gaji bagi kakitangan yang ada sekarang dan untuk perkhidmatan menyenggara yang dikendalikan oleh Kementerian ini misalnya penyenggaraan Jalan-jalan raya, jambatan-jembatan, lapangan terbang, bangunan-bangunan dan alat-alat jentera berat.

Daripada \$56,479,500 yang diminta untuk tahun 1973, unsur perbelanjaan besar yang diminta ialah di bawah Pecahan-Kepala 28—Perkhidmatan Pelbagai. Sejumlah \$37,839,930 adalah bertujuan oleh perkhidmatan penyenggaraan yang diberi oleh J.K.R. Sejumlah besar dari perbelanjaan di bawah Pecahan Kepala ini iaitu \$19,010,500 untuk kerja-kerja penyenggaraan Jalan-jalan Raya Persekutuan, Jambatan-jembatan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berhubungan. Pada tahun 1973 sepanjang 3,155 batu jalan akan disenggara yang mana sejauh 265 batu daripadanya akan diasfal semua. Di samping itu kerja-kerja menyenggara lapangan-lapangan terbang di Subang, Penang, Ipoh, Melaka, Alor Star, Kota Bharu, Kuala Trengganu, Kuantan dan juga 24 "airstrips" yang lain di seluruh negara akan dilaksanakan juga. Program ini juga termasuk kerja-kerja menyenggara jalan-jalan menghala ke Institusi-institusi Persekutuan, Stesyen-stesyen V.H.F., jeti-jeti, rumah-rumah api dan lain-lain. Di bawah Pecahan Kepala yang sama sejumlah \$4,906,000 diminta untuk menyenggara Bangunan-bangunan Kerajaan di Malaysia Barat, \$2,180,000 bagi bangunan-bangunan di Sarawak dan \$531,000 bagi bangunan-bangunan di Sabah. Sejumlah \$8,842,220 diuntukkan bagi penyenggaraan kira-kira 4,000 jenis alatan jentera-jentera J.K.R. yang bernilai kira-kira \$120 juta. Program ini juga termasuk kerja-kerja membaiki kira-kira 300 jentera setiap tahun. Sejumlah \$1.8 juta juga termasuk penyenggaraan letrik bagi bangunan-bangunan dan rumah-rumah Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu, jenis-jenis perbelanjaan yang diminta di bawah B. 62 adalah sebanyak \$15,197,830 untuk gaji dan elaun-elaun, \$404,390 untuk perjalanan dan pengangkutan, \$1,000,435 untuk "Utilities",

\$227,540 untuk Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan, \$1,041,770 untuk Perabot dan Alat-alatan dan \$445,000 untuk pembinaan.

Kepala P. 62—

Perbejaan pembangunan bagi tahun hadapan ialah sejumlah \$280,886,055. Kalau dibandingkan jumlah untuk 5 tahun iaitu sebanyak \$967,698,257 maka jumlah yang akan dilaksanakan dalam satu tahun ini jadi menunjukkan satu sikap yang menggalakkan. Langkah ini diambil dengan sengaja untuk membaiki kelemahan-kelemahan yang didapati pada tahun 1971 dan 1972 dan objektif yang hendak dicapai sehingga tahun 1975. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk melancarkan perjalanan J.K.R. bagi mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kedua. Peruntukan bagi tahun 1973 antaranya mengandungi sejumlah \$240,130,995 sebagai perbelanjaan secara langsung dan \$40,755,060 sebagai pinjaman.

Jalan-jalan dan Jembatan-jembatan

Daripada perbelanjaan langsung sebanyak \$240,130,995 tadi, sejumlah \$180,349,611 diminta untuk jembatan-jembatan dan jalan-jalan raya. Ini mengandungi \$144,981,060 untuk Malaysia Barat, \$15,296,810 untuk Sarawak dan \$20,071,741 untuk Sabah.

MALAYSIA BARAT

Route I—sejumlah \$6,128,030 diminta untuk Route I—Pembaikan Jalanraya dan Jambatan-jambatan. Pembaikan yang penting termasuk dalam program pada tahun 1973 ini ialah peruntukan "dual carriageway" dari Johor Bahru hingga ke Batu 15 dan pelebaran jalan yang ada sekarang hingga ke 24 kaki hingga ke batu 25 jalan Johor Bahru/Ayer Hitam, pembaikan dan pengalihan jalan Tampin-Seremban dari batu 32.0 hingga 1.20 dan Tanjung Malim By-Pass. Kerja-Kerja tanah ke atas jalan dua hala dari Johor Bahru ke batu 7 Ayer Hitam sedang dijalankan dan kerja-kerja mengukur bagi bahagian yang tinggal iaitu sehingga ke batu 25.0 telah siap dan kerja-kerja rekabentuk itu sudah pun dijalankan. Kerja membina under-pass berdekatan Malayan Training College Johor Bahru sudah dimulakan, dan rekabentuk dua buah fly-over sedang berjalan dengan giatnya. Begitu juga kerja-kerja pembaikan dan pengalihan jalan Tampin Seremban (Batu 1.20 ke batu 32) dan Tanjung Malim By-pass. Tawaran-tawaran sedang dipanggil bagi membina

sebatang jalan yang melalui di atas jambatan rel berdekatan dengan Seremban dan jambatan menyeberangi Sungai Bernam pada Tanjong Malim by-pass sudahpun bermula. Kerja pembaikan seterusnya sudah pun dirancang bagi jalan Johor Bahru/Air Hitam/Segamat/Gemas dari batu 97 ke batu 99.25, batu 104 ke batu 113 dan batu 117.75 ke batu 123.50. Kerja untuk memperbaiki selekoh merbahaya di utara pekan Bagan Serai, Perak pada batu 67.8 masih diteruskan.

Kerja rekaan akhir bagi pembaikan bahagian-bahagian tertentu Route I dari Seremban ke Butterworth hampir siap. Dijangkakan bahawa tawaran-tawaran akan dipanggil pada awal tahun 1973 untuk kerja-kerja pembaikan bagi bahagian antara Seremban ke Kuala Lumpur yang menyediakan jalanraya selebar 24 kaki untuk 4.5 batu yang pertama dan jalan dua hala yang moden bagi bahagian yang berikutnya sehingga ke Sungai Besi di Kuala Lumpur. Kerja-kerja merekabentuk terakhir di antara Kuala Lumpur/Tanjong Malim dan kerja-kerja pada jalanraya yang ada di Butterworth hampir siap. Sementara kajian-kajian awal sedang dilakukan bagi membaiki bahagian antara Ipoh dan Changkat Jering.

Route 2—

Sejumlah \$14.4 juta diperlukan untuk memperbaiki Route 2. Ini termasuk kerja-kerja membina jalan 2 hala dari Kelang ke Port Klang, dan by-pass Selat Kelang Utara bagi memenuhi kehendak-kehendak lalu lintas "container". Kedua-dua projek ini sedang dijalankan dengan baik. Projek-projek Jambatan Klang baru, biadak-biadak dan jambatan Temerloh termasuk di dalam peruntukan ini. Tawaran-tawaran bagi jambatan besar dengan fly-over 4 lorong dan sebuah fly-over 2 lorong sudahpun dipanggil dan sedang dipertimbangkan. Kontrek bagi jambatan Temerloh telah diberi pada 17-3-72. Tugas membina jambatan dan jalan-jalan menghala ke jambatan tersebut sedang berlansung. Ia dijadualkan siap pada tahun 1974. Kerja-kerja pembaikan seterusnya sudahpun dirancang bagi antara batu 87.75 ke Batu 81.80 jalan Bentong/Temerloh yang juga akan menyediakan by-pass bagi pekan Mentakab dan juga di antara batu 76.9 ke batu 48.0 jalan Temerloh/Maran. Kerja-kerja juga akan dimulakan bagi sebuah by-pass bagi Kuantan dan Maran.

Route 3—

Pembaikan Route 3 memerlukan sejumlah \$1.5 juta. Pembaikan-pembaikan yang telah dirancang ini bagi Pantai Timur ini termasuk jalan Kemaman dari batu 0 ke 10.75, Sempang Jalan Air Puteh/Cukai di Kemaman, Jalan Kuantan/Kemaman/Dungun di antara batu 91.00-85.00, Jalan Kuala Trengganu/Kota Bharu di antara batu 44.0-53.0, dan jalan Kuala Trengganu/Kota Bharu di antara batu 25.75 ke 4.25. Kerja-kerja merekabentuk bagi sebuah jambatan tinggi yang baru di Jerleh, Trengganu sedang dilakukan.

Jalan-jalan Persekutuan yang lain. Pembaikan dan Jambatan-jambatan—

Bagi tahun 1973 sejumlah \$8.0 juta diperlukan. Sebahagian besar dari rancangan ini ialah untuk menyambung kerja-kerja menggantikan jambatan-jambatan bailey di Johor, Selangor dan Pahang dan bagi menggantikan feri-feri yang ada sekarang di Sabah (Kuala Rompin) dan Endau dengan jambatan-jambatan Reinforced concrete. Tawaran bagi membina "sub-structure" bagi kedua-dua jambatan ini telahpun diterima dan kerja sudahpun bermula. Kerja bagi membina semula jambatan Bota di Perak telahpun siap. Rekabentuk jambatan Kuala Selangor hampir siap, sementara kerja-kerja penyiasatan bagi pembinaan semula jambatan Nordin akan dilakukan pada tahun ini.

Tugas-tugas pembaikan jalan-jalan utama ini sedang dilakukan dan akan diteruskan. By-pass Port Dickson, pembaikan bahagian-bahagian tertentu pada batu 0.8 ke Batu 13.00 jalan Seremban/Kuala Pilah, pembaikan di antara batu 60.8 dan 41.8 jalan Gemas/Rompin dan Bahau dan di antara batu 0.00 dan 24.25 jalan Milestone 5 Bahau/Ayer Hitam/Kemayan, pembaikan jalan Kuala Kubu Baru/Gap dari batu 37.00 pada Route 1 hingga kesempadan Selangor/Pahang pada Batu 57.80, pembaikan pada bahagian-bahagian tertentu di antara batu 55.5 dan 19.75 jalan Sepang-Telok Datuk, pembaikan kepada Jalan Sungai Petani-Keroh, pembaikan pada Jalan Kangar/Padang Besar dari batu 10.0-23.00, pembaikan pada jalan Batu Melintang ke Tanah Merah di antara batu 76.50-40.00 dan melebarkan jalan Kota Bharu-Pengkalan Chepa. Kerja-kerja mereka dan mengukur bagi pembaikan jalan Johor Bahru-Pontian di antara batu 10.5-36.00 sedang berlangsung.

Pembinaan jalan Dabong-Jeli di Kelantan sedang diteruskan dan kerja mengukur dan merekabentuk untuk bakinya sedang dijalankan. Kerja pembaikan seterusnya sedang dilakukan pada jalan keliling Pulau Pinang di antara batu 3.50 ke batu 7.50 dan batu 31.50 ke 42.15.

Tindakan sudahpun diambil bagi kerja projek-projek yang berikut bagi tahun 1973:- Pembaikan dan peralihan jalan Muar-Melaka di antara batu 3.0 dan batu 1.56 dan sempadan Majlis Bandar di batu 1.56. Pembaikan pada jalan Vantooran ke Port Klang, pembaikan jalan Kuantan-Pekan di antara batu 5.5 dan 27.5 mengganti jambatan No. 8/1 Simpang Port Weld, Perak. Seorang Jurutera Perunding sedang dilantik untuk merekabentuk jambatan di Jerantut.

Jalan-jalan Baru—

Di bawah Pecahan Kepala 14, peruntukan sebanyak \$16 juta diminta bagi Lebohraya Timor-Barat daripada mana \$10 juta ialah untuk kerja-kerja binaan dan \$6 juta bagi jentera. Pada sebelah Barat, kerja meratakan tanah sedang berlangsung dengan memuaskan di antara batu 0 ke batu 11 dan lebih kurang 70% daripadanya sudahpun siap. Pada sebelah timur, "Pilot track" telahpun sampai ke batu 12. Pada jarak 8 batu kira-kira 95% daripada kerja tanah sudahpun siap. Lukisan-lukisan kerja bagi Sungai Rui dan jambatan Sungai Pergau Hilir sudahpun siap dan lukisan-lukisan kerja bagi bahagian dari Sungai Perak hingga jambatan "causeway" hampir 80% siap. Kerja-kerja binaan jambatan tersebut dijangka bermula pada pertengahan tahun ini. Rekabentuk jambatan Sungai Mekong sudah siap dan tawaran akan dipanggil tidak lama lagi. Penyiasatan tanah bagi Sungai Leber telah selesai dan 80% daripada rekabentuk jambatan tersebut juga sudah siap.

Di bawah Pecahan Kepala 6, sejumlah \$8 juta diperlukan bagi membina Jalan Kuantan-Segamat. Kerja-kerja pembinaan projek ini telah bermula dalam pertengahan tahun 1972. Sejumlah \$5.2 juta diminta bagi pembinaan Jalan Tanjong Pengerang. Kerja-kerja berkenaan projek ini telah bermula tidak lama dahulu. Hanya \$50,000 sahaja diperlukan bagi pembinaan Jambatan Sungai Golok yang akan siap pada awal tahun 1973 ini. Sebuah Syarikat Jurutera Perunding telah

pun dilantik dalam tahun 1972 bagi menjalankan kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan bagi jalan baru yang dirancang antara Kuala Lumpur/Karak, termasuk jalan melalui tunnel yang pertama di Malaysia Barat. Rekaannya dijangka siap pada bulan Ogos tahun 1973. Sebanyak \$2.7 juta diminta bagi membina jalan Pantai Barat Sungai Perak-Lumut. Cadangan-cadangan bagi "alignment" telah diterima dan sedang dipertimbangkan.

Sebanyak \$25 juta telah diminta bagi projek Leboh Raya Kuala Lumpur/Petaling Jaya. Kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan berkenaan projek ini dan "prequalification" kontraktor-kontraktor telahpun siap. Dokumen-dokumen tawaran telah pun dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor yang "prequalified". Anggaran perbelanjaan sebanyak \$25 juta dalam 1973 ialah untuk bayaran bagi perkhidmatan peralihan, kerja-kerja sambungan, kerja-kerja binaan, kos pengambilan tanah, bayaran-bayaran pengawasan. Sejumlah \$1.7 juta diminta untuk meneruskan kerja-kerja mengubah jalan-jalan sementara di kawasan Rancangan Perairan Muda, Kedah dan Perlis. Projek ini hampir 65% siap. Kerja-kerja merekabentuk bagi jalan di atas jambatan keretapi Jalan Arau-Simpang Ampat sudah siap dan tawaran-tawaran akan dipanggil tidak lama lagi. Kerja-kerja rekaan untuk jambatan di Jitra, Kedah sudah diterima.

Sejumlah \$3.5 juta sedang diminta di bawah Pecahan Kepala 5 untuk Kuala Lumpur By-pass dan Jalan Langsung di tahun 1973. Kerja-kerja akan disambung dalam tahun ini ke atas bulatan dan subway di Sungai Besi dan Batu 4, Cheras dan juga membesarkan lagi jambatan Jalan Loke Yew. Kerja ke atas roundabout di Batu 5, Jalan Kuala Lumpur-Seremban sudah pun bermula. Tawaran-tawaran bagi viaduct di atas Jalan Sungai Besi dan viaduct Jalan Yew akan dipanggil tidak berapa lama lagi. Rekaan-rekaan dan kerja-kerja ukur untuk Southern By-Pass dan Jalan Travers-Jalan Duta telah pun siap.

Di bawah pecahan Kepala 8 sejumlah \$30,000,000 juga dikehendaki untuk membaiki bahagian-bahagian jalan tertentu Leboh Raya 1. Rancangan ini termasuk satu jalan dua hala yang baru daripada Kuala Lumpur ke Seremban dan pembaikan kepada jalan yang sedia ada. Pembaikan yang kecil

daripada Batu Caves ke Batang Kali dan pembaikan jangka pendek di kawasan Butterworth. Tawaran akan dipelawa bagi projek-projek di atas pada bulan Februari, 1973.

Juga termasuk rekabentuk untuk satu perlintasan daripada Ipoh ke Kuala Kangsar dan pembaikan yang kecil daripada Kuala Kangsar ke Changkat Jering.

Memandang kepada perlunya untuk membaiki sistem jalanraya, kajian lalu lintas terpaksa selalu dijalankan oleh Jabatan Kerjaraya di bawah Kementerian Kerjaraya dan sejumlah \$200,000 sedang diminta untuk menjalankan kajian ini. Sejumlah \$200,000 lagi diminta untuk pengangkutan dan perjalanan bagi kakitangan dalam menjalankan tugas-tugas mereka yang berhubung dengan projek-projek jalanraya.

Untuk membaiki jalan-jalan raya Persekutuan dan Negeri yang rosak akibat banjir sejumlah \$2,000,000 dan \$1.8 juta diminta tiap-tiap satunya dan sejumlah \$400,000 pula diminta untuk kerja-kerja pembaikan yang kecil.

Di bawah bantuan Modal kepada Majlis Bandaran untuk pembinaan jalanraya, sejumlah \$2.44 juta diminta bagi Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaran Ipoh, Pulau Pinang dan Melaka. Ini adalah untuk pembaikan dan pembinaan jalan di kawasan Majlis Bandaran dengan tujuan untuk melicinkan perjalanan lalu lintas di situ.

SARAWAK

Sejumlah \$15,269,810 diminta untuk jalan dan jambatan di Sarawak. Jumlah ini termasuk \$3,734,521 untuk jalanraya besar. Ini juga termasuk kerja-kerja sambungan jalan Simanggang/Sibu, Miri/Bintulu, Ulu Batang Mukah/Bintulu dan Jalan Lawas/Merapuk/Sindumin. Sejumlah \$9,942,289 diminta untuk kerja-kerja pembaikan yang lain. Program ini termasuk membina semula jalan Kuching-Serian, mengasfal jalan Kuching/Sibu, jambatan Sungai Sarawak di Satok, jalan Matang/Astana dan jalan Bau/Tondong. Di bawah Pecahan-kepala 24 \$1 juta diminta untuk 2 batang jalan di kawasan Rascom untuk kemajuan pembangunan tanah dan rancangan penempatan semula. Sejumlah \$400,000 diminta untuk mengganti feri Batang Kayan yang mana telah didapati perkhidmatannya tidak mencukupi dengan kehendak-kehendak lalu lintas sekarang.

SABAH

Untuk Sabah sejumlah \$20,071,741 diminta yang mana sejumlah \$16,782,632 untuk jalanraya besar yang mana termasuk di dalam program ini ialah Jalan Pantai Barat ke Ranau (\$781,327) membubuh bitumin dan pembaikan jalan Tawau/Kunak/Sempurna (\$5 juta), membubuh bitumin dari Batu 18 ke 38 jalanraya Sandakan/Telupit (\$2.4 juta), membubuh bitumin jalan dari Kota Kinabalu/Moyong/Korokot (\$2 juta) membubuh bitumin jalan dari Tenom/Kenangau (\$877,694), jalan Kunak/Lahad Datu/Sandakan (\$2 juta) jalan Sipulot (\$723,591), Jalan Raya Pantai, Barat, Sikuati/Beaufort \$3 juta. Sejumlah \$3,289,099 diminta untuk jalanraya Timur/Barat.

Bekalan Air—

Di bawah Pecahan-kepala 100 untuk rancangan bekalan air FELDA sebanyak sejumlah \$7 juta diminta. Ini termasuk permintaan bagi rancangan bekalan air di FELDA yang telahpun dimulakan juga pada rancangan-rancangan yang akan dimulakan pada tahun 1973. Rancangan sambungan termasuk Sungai Ranching, Kompleks Bukit Mandi Bera, Sungai Tinggi, Kompleks Ayer Tawar dan Kompleks Palong. Bantuan rancangan yang akan dimulakan dalam tahun 1973 ialah Kompleks Bera Selatan, Kompleks Mentega, Kompleks Mempaga, Kota Gelanggi, Jenderak Utara dan selatan dan lain-lain. Peruntukan sebanyak \$64,680 diminta untuk bantuan kepada Rancangan Bekalan Air Padang Besar, Perlis.

Bangunan Kerajaan (selain daripada Perumahan)

Sejumlah \$32,321,000 diminta untuk bangunan Kerajaan (lain dari perumahan). Jumlah ini termasuk \$25,251,300 untuk Malaysia Barat \$4,480,000 untuk Sarawak dan \$2,590,000 untuk Sabah. Jumlah terbesar perbelanjaan iaitu \$14.5 juta didapati di bawah Pecahan-kepala 113—untuk pejabat Kerajaan Persekutuan yang baru di Kuala Lumpur. Ini mengandungi 6 bangunan pejabat bertingkat di Jalan Duta dan peringkat pertama pejabat Jabatan Perdana Menteri di Jalan Datuk Onn dan untuk ruangan pejabat yang dikehendaki bagi kawasan luar pula sejumlah \$8 juta diminta. Ini termasuk pejabat Kerajaan di Johor Bahru, Melaka, Seremban, Kuantan, Kuala Trengganu, Kota Bahru, Ipoh dan Alor Star.

Di Sarawak sebanyak \$5.2 juta diminta untuk pejabat Jabatan Kerajaan Persekutuan Kuching dan di bawah Pecahan-kepala 128 sejumlah \$1.9 juta untuk bangunan pejabat Kerajaan di luar Kuching. Di bawah Pecahan-kepala 131 sejumlah \$1.9 juta untuk bangunan pejabat Kerajaan di luar Kuching. Di bawah Pecahan-kepala 131 sejumlah \$1.8 juta diminta untuk bangunan Kerajaan di Kota Kinabalu dan \$1/2 juta bagi bangunan pejabat Pos Persekutuan di Kota Kinabalu.

Selain daripada itu peruntukan sebanyak \$1,538,000 diminta untuk perumahan Kerajaan.

Jentera-Jabatan Kerjaraya—

Untuk membeli jentera bagi J.K.R. sejumlah \$12,322,674 diminta yang mana sebanyak \$10,121,291 untuk Malaysia Barat dan \$2,201,383 untuk Sarawak. Daripada jumlah ini sebanyak \$2,836,225 diminta untuk perbelanjaan pembinaan Kuari Pusat Gemencheh di Negeri Sembilan dan juga membeli alat untuk kuari baru di Kedah dan di Selangor yang akan dimulakan pada awal tahun 1973. Dengan siapnya ketiga-tiga kuari J.K.R. pusat ini maka bertambahlah pengeluaran batu sebanyak 600,000 tan setahun dan primix bertambah sebanyak 300,000 tan setahun. Jumlah keluaran 8 kuari pusat yang ada sekarang ini ialah 1,200,000 tan batu dan 600,000 tan primix setahun yang mana menunjukkan 50% lagi tambahan apabila ketiga-tiga kuari yang baru ini siap. Untuk jentera dan kelengkapan baru sejumlah \$6 juta untuk tahun 1973 diminta untuk pembayaran bagi baki jentera dan kenderaan yang akan sampai pada tahun ini. Di bawah Pecahan-kepala 143 sejumlah \$570,000 diminta untuk pembangunan woksyp. Daripada jumlah ini sebanyak \$270,000 diminta untuk perbelanjaan woksyp jentera penolak tanah bagi J.K.R. Johor dan untuk pembinaan woksyp kenderaan ringan J.K.R. Perak. Sehingga ini 5 projek pembesaran woksyp telah pun siap. Sejumlah \$300,000 diminta untuk perbelanjaan pembinaan dan juga pembelian alat-alat bagi pusat-pusat tersebut. Sebanyak \$220,000 juga diminta untuk Sekolah Latihan Pemandu Jentera.

Di bawah Pecahan-kepala 144, sejumlah \$494,456 diminta untuk pembangunan woksyp letrik. Program ini termasuk pejabat letrik-woksyp/setor di Johor Bahru dan cawangan letrik yang baru di Johor.

Kumpulan kecil yang lain akan juga ditubuhkan di tiap-tiap daerah di Johor. Pada masa ini kakitangan-kakitangan yang baru itu telah ditempatkan buat sementara waktu di woksyp di jentera di Johor Bahru. Oleh sebab L.L.N. tidak menyelenggara kerja letrik bagi sekolah-sekolah, bangunan pelajaran, dan banyak lagi bangunan lain dan oleh sebab bahagian kontrek L.L.N. sudah dimansuhkan maka cawangan letrik J.K.R. terpaksa mengambil alih tugas itu. Bahagian ini juga akan mengendalikan kerja penyelenggaraan letrik bagi bangunan-bangunan dan rumah Kerajaan Negeri, berdasarkan pembayaran yang manasabah. Juga dicadangkan untuk membina pejabat kecil cawangan penyenggaraan J.K.R. letrik Cheras untuk mengendalikan kerja-kerja di Negeri Selangor disebabkan oleh tidak cukupnya tempat bagi meletakkan Jurutera Letrik dan kakitangan yang lain. Dengan siapnya 2 projek ini pada akhir tahun 1973 cawangan letrik akan boleh mengambil alih kerja Penyenggaraan dari L.L.N. di Johor dan dengan pembesaran cawangan di Jalan Cheras untuk meletakkan barang-barang gantian dan kakitangan bagi membolehkan pula cawangan di Johor dan kemudiannya di Perak, Kedah, Perlis, Seberang Prai, Pahang dan Pantai Timur. Untuk Sarawak \$2,201,383 diminta untuk pembelian jentera bagi J.K.R. Sarawak untuk mengendalikan kerja pembangunan.

Tenaga—

Untuk rancangan letrik luar bandar sejumlah \$6,532 juta diminta. Dari jumlah ini sejumlah \$6 juta ialah untuk Malaysia Barat, \$400,000 untuk Sarawak dan \$132,000 untuk Sabah. Walaubagaimanapun, jumlah keseluruhannya yang akan dibelanjakan untuk rancangan letrik luar bandar bagi tahun 1973 ialah lebih kurang \$17.9 juta yaitu \$6.532 juta dari Kerajaan Pusat \$6 juta daripada L.L.N., \$132,000 dari Lembaga Letrik Sabah, \$400,000 dari SESCO Sarawak dan lebih kurang \$4.9 juta dari Kerajaan-kerajaan Negeri.

Jika dibandingkan dengan tahun 1972 dalam mana sejumlah \$9 juta telah dibelanjakan untuk membekalkan letrik ke kawasan-kawasan luar bandar, rancangan yang akan dijalankan dalam tahun ini telah diperluaskan. Dalam tahun 1972 sebanyak 119 projek telah dijalankan dan lebih kurang 12,000 pengguna telah diberi atau akan

diberi kuasa letrik apabila projek-projek itu semua siap. Oleh sebab dalam tahun 1973 jumlah peruntukan telah pun diberikan kepada \$17.9 juta, adalah dijangka bekalan letrik itu akan diberi kepada lebih banyak penduduk-penduduk di luar bandar. Dalam kontrek ini suka saya meminta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan juga penduduk-penduduk kampung di kawasan-kawasan luar bandar supaya bekerjasama dengan Kerajaan bagi membekalkan letrik ke kampung-kampung yang belum ada letrik lagi. Dengan membenarkan pihak Lembaga Letrik Negara memotong kayu-kayu dan juga membenarkan talian L.L.N. melalui tanah-tanah mereka penduduk-penduduk kampung boleh membantu Kerajaan mempercepatkan pelaksanaan rancangan letrik ke luar bandar.

Akhir sekali, saya sukacita memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya sedang melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Kedua ini dengan giatnya dan memuaskan, sungguhpun Jabatan Kerja Raya mengalami kekurangan kakitangan-kakitangan teknik. Saya yakin bahawa pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya akan berjaya dalam tugas-tugas mereka melaksanakan projek-projek yang hendak dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua itu dan Kerajaan sangat terhutang budi kepada pegawai-pegawai itu di semua peringkat yang terpaksa bekerja kuat walaupun selepas waktu pejabat. Saya juga berharap bahawa semua Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan akan terus memberi kerjasama kepada Kementerian saya supaya projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kedua itu dijalankan dengan licinnya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sepatah dua dalam Anggaran yang dikemukakan oleh Menteri Kerja Raya dan Tenaga, dan di samping saya bercakap dalam bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I first wish to touch on rural electrification which is also under the portfolio of the Honourable Minister. Unfortunately, in his lengthy address, he did not think it fit to tell us more about rural electrification in this country.

Mr Chairman, Sir, the Second Five-Year Plan has only a very small allocation or, if I may put it bluntly, a very paltry allocation of about \$20 million for rural electrification and this is expected to be supplemented by the various State Governments. I wish to bring to the attention of the Honourable Minister that in my own backyard of Batu I have for almost five years now asked for electrification for a little village known as Penchala. Penchala, as the crow flies, straight from here, is about two miles. During the tenure of office of the former Minister of Trade and Industry I had made an adjournment speech and I had brought the kampung folks to sit behind to listen to the reply from the Honourable Minister to the adjournment speech that I made. Unfortunately, Mr Chairman, Sir, all these attempts of mine have not been successful. If the Second Malaysia Plan is to mean anything to the kampung folks, then the Government must be really serious in its attempts to improve the standard of living of the kampung folks, and I submit that unless the Government embarks on a more ambitious plan of rural electrification, unfortunately the kampung folks will lose faith in the Second Malaysia Plan or will lose faith in the Government, if they do not see how their own standard of living can be improved.

I wish to bring to the attention of the Honourable Minister another part of my backyard of Batu, which is known as Jinjang Selatan Tambahan. This new kampung has been established for well-nigh three years and it is also without electricity and, as the crow flies, it is probably less than four miles from this House itself.

Recently I wrote to the N.E.B. (Kuala Lumpur Selatan) regarding the electrification of a village known as Kampung Abdul Wahab. Kampung Abdul Wahab was set up by the Selangor Government about two years ago and until today the people there still live in darkness. Why should it be so, Mr Chairman, Sir, if the Government is very serious in its attempt to bring the benefits of modern life to the new villages? I do hope that the Honourable Minister will take note of what I have said and will try to bring rural electrification to the place that I have mentioned, namely, Kampung Abdul Wahab, Jinjang Selatan Tambahan and Penchala.

Mr Chairman, Sir, very recently the J.K.R. dismissed three people from Sungei Buloh

and the way these people were dismissed is not worthy of a big organisation like the J.K.R. What happened was when these inmates of Sungei Buloh went to take their December pay, they were asked to sign a piece of paper—now most of these people are illiterate and certainly they are not literate in Bahasa Malaysia—and after they signed this, to their horror they were later told that they had agreed to the notice of termination of their service by the J.K.R. I do hope that when the J.K.R. wants to terminate the services of any of its employees, particularly in the case of the inmates of the Pusat Mengawal Gusta Negara, it should be a little more careful because these are people who have no way of earning a living outside Sungei Buloh and in terminating the services of these three inmates of Sungei Buloh the J.K.R. did not at all think of how they could compensate the inmates there. Mr Chairman, Sir, I wrote to the officer concerned. Unfortunately till today I have not received a letter from the officer concerned. I shall tomorrow take the trouble to send a copy of that letter to the Honourable Minister and I do hope he will take specific action on this matter. One of the employees concerned, Mr Chairman, Sir, is a person who goes about cleaning the sewerage system in Sungei Buloh. When he was retrenched, they could not find a person to do that piece of job, because that is a very foul-smelling job—literally it is foul smelling because it concerns the sweeping of the sewerage system there—and till today that person has not been replaced but he has been asked to come back and work on a daily paid basis. I do hope that the Honourable Minister will ask the J.K.R., which is such a vast organisation, that it should be a little more careful in terminating the services of its employees, particularly in terminating the services, in this case, of a skilled worker.

I have interviewed these people and another person affected is a carpenter. Although he is old he is a healthy person and is a very skilled carpenter and I dare say that if given the opportunity he will be able to serve the J.K.R. as a carpenter for the next five years. I have no doubt that medically he will be able to serve and I do hope that the J.K.R. and the Honourable Minister himself will be a little more charitable towards these people who have been inflicted with such a terrible disease.

Mr Chairman, Sir, the Minister has told us about the by-pass roads in Kuala Lumpur. I do hope that he will get the J.K.R. to hasten the work of by-pass roads in Kuala Lumpur because the traffic in Kuala Lumpur is getting chaotic, and if we can get the traffic that does not want to come to Kuala Lumpur but wants to go from Seremban to Ipoh or *vice versa*, or from the West to go to the north, to use such by-pass roads, when built, then such traffic need not go through Kuala Lumpur and therefore clog the already-clogged roads in Kuala Lumpur.

Now I do wish to bring to the attention of the Honourable Minister and the J.K.R. that the roads in Kuala Lumpur and the roads around Kuala Lumpur and throughout the country might have been adequate perhaps twenty years ago, but today—this is 1973—with more and more cars being added every year these roads are totally inadequate. I want to bring to the attention of the Honourable Minister in particular the road that runs from the roundabout in Batu Village right up to Kepong. Now, again, this road was made in the days of General Templer, more than twenty years ago; at that time the road was adequate, but today that road is totally inadequate for the traffic that goes along that road, because from that junction to Kepong, offhand I can think of at least three new housing estates which have come up and quite a number of the people who live in the housing estates have cars. So this road is totally inadequate, and this, I presume, is also the case with a number of other roads which are near to Kuala Lumpur, and I do hope the Honourable Minister will get the J.K.R. to look into this matter and to widen the roads around Kuala Lumpur as a matter of priority.

Mr Chairman, Sir, I do hope the Minister will also look into the question of that stretch of the road in Johore between Simpang Rengam and Ayer Hitam which was the subject of an Oral Answer just now. Mr Chairman, Sir, this stretch of road has claimed far too many victims already. The latest, was, perhaps two or three weeks ago, when eight people in a car were killed. Their car went under a bus and was dragged along by the bus so that all the eight people were killed in that tragedy. Now, we do not know what is the cause of the accident. We were assured just now by the Honourable Minister of Communications—and I do hope that

before he gave the reply he had already liaised with the J.K.R.—that the J.K.R. would look very carefully into this stretch of road. It is not enough to say that there is a *hantu* along that road. It is not a *hantu*; there must be a technical defect along that road and, therefore, the J.K.R. must see that this road, if there is anything wrong with it, must be put right, besides putting a speed limit of 30 m.p.h.

Mr Chairman, Sir, I call on the Minister also to replace the wooden bridges that can still be seen in Malaysia Barat with permanent bridges. I see that the Minister in his speech has referred to the Temerloh Bridge. I do hope that when the J.K.R. build bridges, it should avoid some of the mistakes of the Temerloh Bridge. One of the mistakes, I am told, is that that bridge was put in such a hurry that the span there was too narrow with the result that the big logs that came from up-stream bashed against the pillars and, of course, the bridge gave way. I do hope that when it comes to the design part of any bridge in this country, the J.K.R. would be a little bit more careful so that we do not have to rebuild. The Temerloh Bridge, if I am not mistaken, is hardly 10 years old and today it has to be built again.

I also call on the Minister to replace the ferries in Malaysia Barat. I was surprised when I was told that there are some ferries in Malaysia Barat which are private owned, and I call on the Minister to replace all these ferries with permanent bridges so that the tragedy that occurred at Parit Buntar will not happen again.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman):
Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dua tiga perkara dengan seberapa ringkas dalam membahaskan peruntukan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ini. Terutama mengenai butiran 119 P. 62, Bangunan FIDA dan lain-lain bangunan badan berkanun yang mana peruntukan diberi sebanyak \$1½ juta.

Saya adalah mengalu-alukan langkah ini atas daya usaha Kementerian ini yang merancang mengadakan bangunan-bangunan sendiri untuk kegunaan Jabatan Kerajaan dan kegunaan badan berkanun kenapa pada masa ini kebanyakan badan-badan berkanun membelanjakan wang berpuhul bahkan

beratus-ratus ribu ringgit pada tiap-tiap bulan untuk menyewa bangunan-bangunan bagi kegunaan pejabat mereka dan pada jangka panjang adalah satu langkah yang merugikan. Oleh itu saya berharap kepada Kementerian ini dapat menyediakan satu program di mana dalam tempoh yang tertentu semua Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Pejabat-pejabat Perwakilan kita di luar negeri mempunyai bangunan sendiri dan tidak lagi menghabiskan wang beratus-ratus ribu ringgit seperti hari ini dan pada tiap-tiap bulan untuk membayar sewa bangunan-bangunan bagi Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

Soal yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah mengenai B. 62, butiran 112 Pejabat-pejabat baharu Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur dan luar Kuala Lumpur. P. 62, butiran yang tersebut ada menguntukkan wang sejumlah \$22½ juta.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita tahu di antara Jabatan-jabatan Kerajaan, ada Jabatan-jabatan yang mempunyai hubungan rapat dengan orangramai yang sentiasa dihubungi oleh orangramai pada setiap masa dan setengah-setengahnya yang kurang dihubungi oleh orangramai seperti Jabatan Kimia, Jabatan Kebankrapan dan seumpamanya. Jabatan-jabatan yang sentiasa dihubungi oleh orangramai ialah Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pendaftaran Perniagaan, Pertubuhan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Imigresen, Buruh, Kastam dan lain-lain dan setengah-setengahnya mempunyai hubungan rapat di antara satu sama lain seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftar Perniagaan yang mempunyai hubungan rapat dengan Jabatan Pos kerana jabatan-jabatan tersebut berkehendakkan setem dalam satu-satu urusan dengannya. Misalnya seorang yang membuat urusan dengan Pejabat Imigresen jika ada kekurangan setem yang disediakan, dia terpaksa berkejar ke Pejabat Pos yang jauh dari Jabatan tersebut dan ini adalah satu perkara yang menyusahkan orangramai.

Pada masa ini Jabatan-jabatan yang ada hubungan dengan orangramai adalah diletakkan di tempat-tempat yang berjauhan di antara satu sama lain. Misalnya Jabatan Pengangkutan Jalan di Jalan Gurney, Pejabat Pendaftar Perniagaan di Bangunan Shell dan Jabatan Pendaftaran Kebangsaan

di Petaling Jaya dan lain-lain lagi. Untuk kemudahan tumpuan orangramai, saya mengesyorkan supaya semua Jabatan-jabatan yang ada hubungan rapat dengan orangramai selain dari polis dan Pejabat Pos yang sedia ada, hendaklah di tempat dalam satu bangunan yang meliputi Jabatan-jabatan yang saya sebutkan di atas itu, dan Pejabat Baharu Kerajaan ini bukan sahaja di Ibu Kota, bahkan juga di negeri-negeri, dan saya percaya dengan adanya kompleks yang seumpama ini, orang ramai terutama di Ibu Kota tidaklah mereka berkejar ke utara dan ke selatan dalam menjalankan urusan mereka.

Perkara yang ketiga dan yang akhir sekali menyentuh butiran 71, Jalan L.K.T.P. yang mempunyai peruntukan sebanyak \$5,700,000 bagi tahun 1973.

Saya harap keutamaan hendaklah diberi kepada rancangan-rancangan yang sentiasa terputus hubungan oleh sebab banjir seperti L.K.T.P. Seberang Sayong di Kemaman di mana Jabatan yang menghubungi rancangan ini kerap kali ditenggelami air bila ada hujan lebat satu atau dua hari walaupun di luar musim tengkujuh kerana jambatan ini di bina rendah ke dalam sungai seperti Jambatan Jerneh, dengan tujuan untuk mengelakkan perbelanjaan yang besar dan saya harap dalam peruntukan ini pihak Kementerian ini akan dapat mengambil perhatian terhadap perkara tersebut.

Sekianlah, Tuan Pengerusi, dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga. Saya cuma menyentuh dalam B. 62 berhubung dengan pembinaan jalanraya dan penyelenggaraan jalanraya.

Saya nampak atas ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, semua menitikberatkan jalan-jalan besar tetapi jalan di luar bandar samada diusahakan oleh Kerajaan Negeri sekarang banyak terbiar. Bagi pihak bumiputra tidak memuaskan berhubung dengan kenderaan dan pengangkutan yang selalu menerima kerosakan kenderaan mereka. Jadi saya harap berikan perhatian kepada jalan-jalanraya di luar-luar bandar khasnya jalanraya yang jauh daripada jalan-jalanraya besar.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, hinggan ada Jabatan Pengangkutan ini mengambil lesen motokar dan lori tetapi tidak ada jalan. Kampung itu tidak ada jalanraya tetapi kawasan ini diambil lesen lori dan pengangkutan. Jadi masaalah yang macam ini patut dikajikan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, telah menjadi kebiasaan agaknya Jabatan Kerja Raya ini bila membaiki jalan itu, dia hendak menimbus jalan itu berbulan-bulan. Ini menjolok mata, kadang-kadang mendatangkan kesusahan kepada lalulintas bukan sahaja di luar bandar, termasuk juga dalam bandar sendiri sehingga berbulan-bulan baharu jalan yang hendak dibaiki itu dikambus.

Yang keempat, Tuan Pengerusi, berhubung dengan jalan ke sekolah menengah. Jalan ke sekolah menengah ini menurut perhatian saya patut dilebarkan sebab bila waktu anak-anak kita keluar sekolah jalan ini terlampu sesak. Kalau kita luaskan kiri-kanan jalan itu maka dapatlah murid-murid ini melalui atas jalan yang kita lebarkan.

Berhubung dengan jambatan. Saya ber-setuju bahawa Kerajaan akan menggantikan jambatan yang ada dengan feri, tetapi mengikut perkembangan baharu, orang ramai sekarang banyak menggunakan feri dan perahu termasuklah anak-anak kita. Mereka tidak menghiraukan kecemasan yang akan mereka alami, jadi bila kita minta Kerajaan membuat jambatan yang macam ini, kita lebih utamakan jambatan-jambatan yang begitu besar, tetapi jambatan yang dilalui oleh rakyat di luar bandar ini kurang mendapat keutamaan. Oleh itu, saya fikir oleh sebab Kementerian ini tidak ada wang kita buat satu sistem membuat jalan jambatan gantung menggunakan besi.

Saya contohkan, Tuan Pengerusi, di Parit Sulung menggunakan jambatan besi—jambatan gantung dilalui oleh kenderaan, yang selalu anak-anak kita lalu-lalang di tempat itu dengan perbelanjaan yang murah sementara hendak menunggu jambatan yang sempurna. Masaalah ini samada dapat diusahakan atau tidak itu pandangan saya dalam masaalah ini, tetapi telah dilaksanakan dalam negeri Johor iaitu jambatan gantung di Parit Sulung.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Lembaga Letrik Negara. Tadi

Yang Berhormat Menteri telah mengatakan orang ramai supaya memberikan tanah, menebang pokok kayu. Satu masaalah lagi mengenai Lembaga Letrik Negara. Ini adalah badan yang berniaga, bukan semua rakyat di luar bandar itu rela hendak serahkan kebunnya, hendak serahkan pokok kayu supaya ditebangkan dengan sukarela.

Selain daripada memberi tanah sukarela mereka itu pula disuruh tebang pokoknya. Saya harap atas kerjasama gotong-royong Kementerian ini hendaklah memberikan wang, peruntukan gotong-royong pada hari mereka bekerja, jangan diperah sangat tulang orang-orang di luar bandar ini. Mereka hendakkan letrik tetapi kebun mereka itu ditebang, mereka sanggup pula bekerja. Demi kepentingan bersama, saya harap Kementerian ini akan memikirkan satu peruntukan sebagai corak gotong-royong pada mereka yang mengusahakan tanahnya ini.

Tuan Pengerusi, dalam negeri ini ada 250 lebih kurang letrik yang dibekalkan kepada kampung-kampung baharu melalui badan syarikat bersendirian di mana ada bekalan letrik ini telah lalu dalam kawasan itu hendaklah Kementerian mengambil alih. Sebab kalau kita biarkan dengan dibekalkan oleh syarikat bersendirian ini mendatangkan satu kesusahan kepada penduduk luar bandar terutama sekali mereka dikenakan bayaran-bayaran yang lebih. Dalam masaalah ini saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memerhatikan.

Berhubung dengan jalan di FELDA, tadi Ahli Yang Berhormat rakan sejawat saya telah berkata jalan di FELDA ini tidak begitu penting. Pada saya kenapa hendak ditarkan, dibelanjakan bermillion-million ringgit lebih baik kita ratakan dengan batu merah, supaya batu merah di jalan itu jadi kuat. Wang yang banyak ini kerana mengetarkan jalan kita boleh bagi penduduk-penduduk luar bandar. Sementara dua, empat lima enam tahun itu tidak guna ditar, sebab lori lalu-lalang di kawasan itu tidak begitu banyak. Saya fikir pada segi saya memang rugi Kerajaan membelanjakan \$65 million kerana FELDA, tetapi kalau kita buat jalan dengan kita tar taruh batu merah yang boleh dilalui oleh lori, dilalui oleh pengangkutan-pengangkutan berhubung dengan masaalah yang ada hubungan dengan FELDA, perkara yang macam ini boleh mengurangkan, menjimatkan perbelanjaan Kementerian ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini walaupun dia kurang tenaga pada pekerja, tetapi dapat bekerja dengan sempurna memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Walau bagaimanapun saya fikir kita kurang tenaga pekerja dan kita patut mengambil pekerja-pekerja dagang daripada negeri yang maju, negeri-negeri sahabat kita yang tidak kurang hendak menolong pegawai-pegawai dagang dalam bahagian teknik untuk hendak meneruskan rancangan. Kalau dalam hal lain kita boleh ambil pegawai-pegawai dagang dalam Jabatan Pelajaran, dalam Jabatan Kesihatan tetapi kenapa kita tidak boleh dapat pegawai dagang di Jabatan Kerja Raya ini. Kita sangat bertenang dalam masalah lambatnya Jabatan Kerja Raya mengusahakan rancangan yang dikehendaki oleh rakyat.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang-Lupar): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, speaking on Kepala B. 62 and P. 62, Page 454 under the Ministry of Works and Power, I wish to bring to this House the great need in Sarawak for both major and minor road projects in order to bring developments to the people and to give them the opportunity not only to hear of development projects, but to see and feel and benefit from our development efforts.

I and my colleagues from SNAP have spoken time and again in this House and in the Council Negri in Sarawak about the great need to make available effective infrastructure in the State of Sarawak. This is because we believe that without a proper system of transport and communication, Sarawak will forever be left behind in its overall planning and development. Most of the time our requests were met with ambiguous replies. Sometimes we were told in Council Negri that not enough money was forthcoming from the Federal Government. In this House we are often told that the responsibility of road construction is a State matter. We are aware that we have a State Ministry of Works. I am sure that the Honourable Minister of the Federal Ministry of Works and Power is aware that without enough finance, proper planning and qualified personnel, not an inch of road can be constructed. Therefore, it is about time that both the State and the Federal Governments should tackle the problems of road-building in Sarawak more seriously. It is no

use to say either the Federal Government has not given enough money or it was the responsibility of the State Government. This will only result in more delays and no roads. I, therefore, urge both the State and the Federal Government to work closely together and build for us more roads in Sarawak. We want action, not promises.

Another aspect that I wish to bring to the attention of this House is the fact that when Ministers, both Federal and States, go from place to place, they tend to give promises to people to make roads here and there without due regard to the feasibility, the economic potential, viability and usefulness. There are a great number of road projects that have been included in the First Malaysia Plan. This year is the third year of the Five-Year Malaysia Plan and yet these road projects are not even started. For example, we have the seven-mile Jalan Pekeliling in Ulu Pandaruan in Limbang District, the Ulu Krian Road in Saratok District, the Ulu Undup Road in Simanggang District. If the Government is sincere in its various promises to make available roads in villages, the longhouses in the ulus, then why not construct these roads which had been included in the Second Malaysia Plan and had been approved by Parliament first. Failure to do so will only cast doubts on the Government's sincerity, which is not conducive to good government and a just society. By all means we welcome as many proposals to build as many roads in Sarawak, but let us not have mere promises. We want more roads, not mere words. I therefore, urge both the Federal and State Governments to refrain in future from such behaviour.

Mr Chairman, Sir, I refer to Page 465—Rural Electrification. During the last Session of Sarawak Council Negri a Bill was passed for the State to borrow a large sum of money to make available better machinery and more electricity for Sarawak. My colleagues had spoken at great length on the great needs for further improvement in making available electricity supply to the rural areas. They had spoken also largely on the great needs to make available more cheaper electricity in Sarawak. This is because there is not much point in us wanting to industrialise if we cannot provide cheap power for the industrial sector. At the present moment it is true to say that we in Sarawak are paying

a very high rate for the electricity power we consume.

My colleagues in the State Assembly had urged the State Government to carry out potential surveys in the Upper reaches of Sarawak's many big rivers in order that hydro-electricity supply can be made available, namely, in the Ulu Baram, the Upper Rejang, Ulu Batang Ali and Ulu Undup at Batu Lintang. It is considered urgent that this survey must be made now so that we may not only be able to exploit the industrial potential of Sarawak to the fullest but also at the same time to provide cheap electricity power to the outlying villages and interior longhouses in Sarawak's rural areas. At the present moment it is most pitiful that our often-neglected rural people have to depend on the dim light of kerosene lamps and pressure lamps. They have been left out in the dark far too long. I, therefore, urge the Government to consider this proposal very seriously so that our rural areas will have a brighter future.

Dr S. Seevaratnam (Seremban Barat): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I wish to draw the attention of this House to a very urgent and pressing problem of the death-trap that is on the main road from Seremban to Kuala Lumpur day and night. I can speak with authority and confidence on this subject because of the experience and sufferings I have undergone on this road by having to travel daily on this treacherous "Devil's booby-trap" to attend Parliamentary meetings. I can tell you, Sir, that every minute of this sad ride—I would not call it a "joy-ride"—is a nightmare and a tryst with Satan if not with death itself. From the time I leave my house till I return late at night, there is always anxiety and sometimes a feeling of loss in my family.

Overcrowding, overloading, inconsiderate driving, speeding, dilapidated vehicles, heavy trucks and tankers, cyclists, pedestrians, jay-walkers—name it, Sir, and you have it on this road.

The Government has always been promising us a six or eight-lane—I am not sure which—highway from time immemorial, but I am unhappy and dejected to say that nothing has materialised; instead the situation has relentlessly got worse every day. Roads that were built for the traffic of the 30's and 40's are still serving as modern highways for the 70's and perhaps 80's and

onwards. I do not think we will ever see the proposed Highway in our life time. I have an uneasy feeling, Sir, that our air line system will eventually catch up with our road transport system and render this treacherous road redundant and unnecessary unless it is improved. I believed our benevolent Government at first, but now it is beginning to dawn on me, Sir, that the six or eight-lane traffic is a red-herring to divert the attention of the grumbling masses from the inadequacy and the inability of the Government to tackle this problem.

I think, Sir, a bird in hand is worth two in the bush. What I fail to understand, Sir, is why the present road cannot be modified, widened or shortened to at least a four-lane traffic, namely, two to go and two to come. Why the so many corners or devil's elbows, the blind corners, the humps, the bumps, etc., cannot be eliminated? If there is a two-lane traffic on one side to go, the lorries, heavy vehicles and slow-moving traffic can keep to their left or outer lane and thus permit the other traffic to move swiftly and safely on the right or inner lane. Similarly, Sir, if there is no possibility of having the four-lane traffic, i.e. two lanes up and two lanes down, together, these two can be separated for a suitable distance to overcome such obstacles as heavy buildings, deep valleys, hills, etc. It need not necessarily be that the four-lane course should always be maintained throughout this stretch. This four-lane traffic, Sir, should have adequate and sufficient number of lay-byes or places for heavy vehicles or buses to pull up on the way side. This can also serve as a haven for broken-down vehicles on route. Obviously, Sir, in such a busy and heavily laden traffic, there must be many such lay-byes or halting stops.

The main road also should be taken away from the towns and busy places or we should circumvent them to avoid the crowded and potentially dangerous areas. These roads should not only be broad and wide but clear and well-lit. In order to do this, the sides of the roads should have no unnecessary obstacles such as trees, posts, etc. There should be no soft-side tables, but on the other hand, they should be flat and well-turfed with green to a width of 10 feet to 12 feet. Trees should not overhang the road and give an appearance as though we were going through a tunnel of trees. Such a state of affairs leads to poor lighting, condition,

poor aeration, thus preventing early drying of the roads after a shower or a slight drizzle. The drainage of the road, both the surface and the side drainage, is another very important factor in the safety of our road passage. I have seen many times pools of water on the road rendering it dangerous as, for example, by a sudden splash of water on to your windscreen by a passing car. The road surface is also another important safety factor. It is not uncommon on this road to come upon suddenly a road depression or a bump or a rut or pothole and thus unnerve the driver and give an uncomfortable ride.

Finally, Sir, in passing, I would like to draw the attention of this House to a very important aspect of road safety. Even if we can rectify all the defects in our present road transport system, it would be of no avail if we do not have efficient, non-corrupt and speedy traffic control policing by the Traffic Police. Traffic Police must ensure a free and easy flow if traffic is not to be dangerous. They should give prompt attention to bottlenecks, accidents and the like on the road. Another important task of this Highway Patrol is to halt and apprehend traffic offenders, inspect vehicles on the spot for overloading, defective lights, brakes, etc. I have had often the unfortunate experience, or torture rather, in following behind a very slow heavily-laden lorry going at some speed and my inability to overtake it owing to a long line of traffic in front or to oncoming traffic. This state of affairs causes a fine jet of filthy, muddy water to be sprayed on my windscreen, thus reducing my visibility even in spite of my car's wipers working at full speed. These lorries very rarely have an adequate and proper mudguard or mud flaps.

I hope, Sir, our ever active and energetic Minister of Works and Power will take into consideration what I have said and make a safe and efficient highway between Seremban and Kuala Lumpur a reality immediately.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Pengerusi, saya menyentuh dalam perkara yang berhubung dengan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ini.

Tuan Pengerusi, pertama yang ingin saya menyatakan di sini ialah Kepala P. 62 iaitu Pecahan-kepala 8 berhubung dengan Jalan Luar Bandar. Saya nampak bahawa peruntukan yang diberi pada Kerajaan-kerajaan

Negeri untuk rancangan jalan di luar bandar sebanyak \$6 juta adalah kurang memuaskan kerana peruntukan jalan-jalan di luar bandar ini adalah penting. Kita hendak mengharapkan

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu peruntukan ini sebanyak \$6 juta ini adalah dijaga oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sebenarnya, perkara ini telah dibincangkan bila Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memohon untuk peruntukan Kementeriannya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Oleh kerana cara pembahagiannya demikian, maka dalam bab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu, saya mengucapkan terima kasih. Cuma dalam hal jalan-jalan raya di luar bandar ini perlu saya menyebutkan juga dengan sebab peruntukan ini berada di bawah Kementerian ini dan difikirkan bahawa kedudukan jalan walaupun jalan yang kecil yang berada di bawah Kementerian ini dan tidak merupakan jalan-jalan main road atau jalan-jalan besar, itu perlu diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, untuk mengadakan jalan-jalan yang besar seperti Federal Highway, lebohaya Timur/Barat dan sebagainya adalah memakan wang yang banyak. Kementerian Kerja Raya harus memikirkan tentang bagaimana perlu dibuat berhubung dengan jalan-jalan di kampung ataupun di jalan-jalan yang ditempatkan samada di bawah Kerajaan Negeri ataupun samada diserahkan kepada Kerajaan Pusat yang berada di bawah Kementerian ini terserahlah kepada pentadbiran yang berkenaan sendiri. Cuma yang saya hendak sebutkan bahawa ini perlu diberi perhatian yang sungguh-sungguh kerana sebagaimana yang pernah saya alami iaitu pihak Kerajaan Negeri memperuntukkan wang yang sedikit untuk membuat rancangan jalan di daerah-daerah yang berada di sekitar luar bandar yang bukan duduk di bawah projek Pusat. Peruntukan yang saya sebutkan ini misalnya di dalam \$200,000 yang hendak dibahagikan kepada beberapa rancangan jalanraya yang kecil itu sudah tidak begitu berjaya. Saya harap harus dibuat pengkajian tentang bagaimana hendak memberi kejayaan tentang rancangan ini

samada boleh kita beri dengan cara \$50,000 untuk rancangan tersebut di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar itu semata-mata saya rasa tidak begitu memuaskan.

Haruslah Kementerian yang berkenaan, Kementerian Kerja Raya mengambil peranan yang penting supaya jalan-jalan di luar bandar ini dijalankan oleh Kementerian sendiri ataupun di bawah Kementerian sendiri supaya rancangan-rancangan jalan ini benar-benar memuaskan.

Bagaimana yang pernah berlaku, perkara ini tidak memuaskan. Beri sambutan sedikit-sedikit, itu tidak memuaskan. Kalau biasanya yang duduk di bawah Kementerian Kerja Raya dibuat dengan cara yang lebih baik, ertinya sekurang-kurangnya tidak ada tar, tetapi ada batu dan ada dicampur dengan selut ataupun dengan lumpur. Ertinya boleh kenderaan lalu dengan lebih enak dan lebih memuaskan. Pengalaman kita menunjukkan bahawa ini tidak memuaskan.

Itu saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian yang betul-betul supaya perasaan orang-orang luar bandar ataupun orang-orang kampung puas sedikit walaupun hendak puas banyak memang tidak boleh, tetapi puas hati sedikit. Sekarang ini di Pantai Timur, kalau musim sekarang, musim banjir ataupun musim bah pendapatan orang kampung masih berlumpur dengan selut. Pakai kain pun atas daripada lutut, bukan kerana pakai miniskirt, tetapi kerana terpaksa kena angkat atas kerana selutnya banyak. Harus Yang Berhormat Menteri yang cergas dan ber tenaga ini memberi perhatian dalam hal yang tersebut.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga kerana memperuntukkan bekalan air di negeri Trengganu. Antaranya termasuk di daerah kawasan saya yang sudah beberapa belas tahun merdeka tidak dapat air paip lagi, sekarang ini sudah cuba dibuat, agaknya dalam setahun ataupun beberapa bulan lagi akan siap.

Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya kejadian di Marang tidak terjadi di daerah Dungun dan Kemaman pula di mana pernah kejadian di Marang, tengok sudah siap dia punya paip, sudah siap, tetapi airnya tidak ada. Entah sampai

entah tidak, kalau tidak silap saya, hampir setahun tidak ada air. Boleh tengok sahaja-lah. Kejadian seperti itu saya harap tidak berlaku di rancangan yang sedang dibuat sekarang ini.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu dalam Pecahan-kepala 110—Bangunan-bangunan Kerajaan. Saya mengalu-alukan tentang banyak bangunan Kerajaan yang dibuat oleh pihak Kementerian ini dan Kementerian Kerja Raya ini sebenarnya nampak membolot semua kerja orang, terpaksa dia pikul. Memang saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana memang kuat bekerja. Segala bangunan-bangunan Kerajaan terpaksa dibuat oleh Kementerian Kerja Raya, cuma yang saya hendak ingatkan bahawa membuat bangunan ini hendaklah diawasi benar-benar kontraktor-kontraktor yang membuat bangunan ini kerana didapati keadaan-keadaan bangunan itu belum sampai 5 tahun sudah nampak retak-retak hendak pecah.

Kita tidak tahulah samada hendak pecah itu tidak akan pecah tetapi kalau mata biasa yang kita tengok ini sudah retak-retak ertinya goyang.

Kalau Bangunan Parlimen ini sudah yang ada yang nampak retak-retak, jadi saya bimbang, Tuan Pengerusi, nanti 17 tingkat ini pula bahaya. Demikian juga bangunan-bangunan yang lain apabila saya tengok retak-retak, bagaimana cara penyeliaan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan saya tidak tahu semasa ia membangunkan bangunan itu penyeliaan tentang simennya, itu harus diawasi.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, memanglah kontraktor ini biasanya orang berniaga. Memang kerjanya hendak untung tetapi kepada kita pula kerja kita hendak menjaga apa yang kita buat itu adalah selamat untuk masa hadapan. Itu saya harap ambil perhatian benar-benar. Jadi banyaklah contoh-contoh yang boleh saya tunjukkan tentang retak-retak yang berlaku di bangunan-bangunan Kerajaan khasnya di bangunan-bangunan batu yang tinggi-tinggi. Tambahan pula, Tuan Pengerusi, iklim di negara kita adalah meliputi hujan yang begitu banyak maka haruslah difikirkan tentang bagaimana pilingnya yang lebih dalam dan lebih kuat harus diawasi, harus

dikemaskan supaya bangunan itu akan kekal untuk beberapa masa yang akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berhubung dengan tenaga atau pun berhubung dengan letrik. Saya dapati kedudukan sekarang ini kalau letrik di luar bandar terpaksa penduduk-penduduk di luar bandar kena pikul dengan harga yang mahal iaitu kalau tidak silap saya tiap-tiap sebuah rumah mesti membayar tidak kurang daripada \$4.00 ataupun \$4.50 begitulah, sedangkan api ataupun letrik ini digunakan tidak mestinya banyak itu. Sebaliknya penduduk-penduduk di dalam bandar angka yang sekurang-kurangnya bagi bayaran letrik ialah \$2.00 sahaja.

Hal ini nampaknya lebih kaya orang luar bandar daripada orang dalam bandar sedangkan hakikatnya orang luar bandar adalah lebih miskin daripada orang di dalam bandar. Ini harus diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya keadaan seperti itu tidak berlaku ataupun kalau keadaan sekarang telah berlaku, cuba mencari jalan supaya keadaan-keadaan itu boleh diatasi di masa yang akan datang.

Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (Kinabatangan): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian bercakap dalam Kepala P. 62, Pecahan-kepala 34, Kementerian Kerja Raya dan Tenaga.

Tuan Pengerusi, saya dapati di sini berkenaan dengan jalan-jalan raya di Sabah iaitu hanya Telupid, Ranau sahaja. Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri baharu dari Sandakan ke Telupid lebih kurang 85 lebih batu dan pada masa ini hanya 35 batu sahaja yang jalan itu ditaruh minyak tar iaitu 50 batu lagi jalan masih belum ditaruh minyak tar.

Saya suka mengambil perhatian Yang Berhormat Menteri, kerana kalau tidak diperbaiki atau diperuntukkan jalan lebih kurang 50 batu ini bagaimanakah rakyat di sebelah Telupid sana mengambil bahagian di dalam membawa barang-barang mereka seperti sayur-sayur mereka ke Sandakan. Saya harap dengan adanya peruntukan ini dapatlah Yang Berhormat Menteri menjalankan pembinaan jalanraya ini daripada Sandakan sampai ke Telupid.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, jambatan-jambatan yang ada. Beberapa jambatan dari Sandakan ke Batu 18, jambatan itu sempit. Saya harap kepada Kementerian Kerja Raya dapat mengambil perhatian supaya dapat jambatan-jambatan itu diperbesarkan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, pada masa ini daripada Kota Kinabalu sampai Sandakan telah dibina jalan dan juga daripada Tawau ke Sempurna Lahat Datu sudah ada jalanraya, tetapi saya harap supaya Kerajaan Pusat dapat membina lagi satu jalanraya daripada Sandakan ke Lahat Datu kerana dengan jalanraya ini dapatlah peniaga-peniaga menjalankan perniagaan mereka dengan sewajarnya.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan letrik di luar-luar bandar. Saya menyokong atas peruntukan letrik di luar-luar bandar ini, kerana beberapa lama ini rakyat di luar-luar bandar menunggu-nunggu untuk menikmati lampu-lampu letrik seperti yang dinikmati oleh orang-orang di dalam bandar kerana pada masa ini yang mana kampung-kampung jauh daripada bandar tidak dapatlah mereka menikmati sebagaimana yang dinikmati oleh rakyat di dalam bandar menggunakan talivisyen ataupun radio, rakyat-rakyat di luar bandar tidak dapatlah menikmati seperti yang saya sebutkan tadi itu. Jadi dengan adanya peruntukan ini saya harap dapatlah rakyat di luar bandar menikmati sebagaimana yang dinikmati oleh rakyat di dalam bandar.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan perbelanjaan bahagian di Sabah.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, referring to Kepala B. 62 and speaking on roads, I would say that the one important main road between . . .

Tuan Pengerusi: What page is it?

Tuan R. C. M. Rayan: Page 454, sub-head 10. Speaking on roads, I would say that the one important main road between Ipoh and Kuala Lumpur that has escaped the attention of the Honourable Minister of Works and Power is the Tanjong Malim/Kuala Lumpur Road.

Ten years ago, when the winding Slim River/Tanjong Malim Road, which was over

20 miles long and where people used to vomit when passing through the road, was not developed, the Tanjong Malim/Kuala Lumpur Road was considered to be a fairly good road. Now, after the Slim River/Tanjong Malim Road has been straightened and made up, this Tanjong Malim/Kuala Lumpur Road has become an eyesore and requires to be remedied. This road, because of its winding nature and the various corners and the bumps and downs, is a source of danger to the travelling public. Further, at a certain point, because of the elevation near Templer Park, vehicles cannot exceed 10 m.p.h. and their speed may be even reduced to 5 m.p.h. if they happen to go behind lorries carrying timber.

Today, if one were to travel from Penang or Ipoh to Kuala Lumpur, the only stretch of bad road one finds is between Tanjong Malim and Kuala Lumpur which is a distance of about 55 miles. I would therefore urge the Honourable Minister to take steps to straighten this road and thereby cut short the time and the distance taken to go from Ipoh to Kuala Lumpur. Thank you, Mr Chairman, Sir.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ini, saya ingin menyentuh terutama sekali mengenai dengan Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, jika tidak silap ingatan saya kira-kira setahun yang lalu waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melakukan sedikit rombakan di dalam Jemaah Menteri, maka hasil daripada rombakan itu lahirlah satu Kementerian baharu yang diberi nama Kementerian Kerja Raya dan Tenaga iaitu sesudah ditarikkan beberapa bahagian daripada Kementerian lama seperti dahulu diadakan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom kemudian diubah dan beberapa bahagian dimasukkan ke sini, maka jadilah satu Kementerian baharu namanya Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Waktu Perdana Menteri mengumumkan tujuan dibentuk Kementerian ini ialah untuk mengatasi segala masaalah-masaalah yang selama ini tidak dapat diatasi oleh Kementerian yang namanya Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, apabila Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ini ditubuhkan

yang mempunyai tanggungjawab atau merupakan suatu tenaga yang sangat-sangat penting di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua, maka Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini telah diberitahu bahawa Kementerian ini menghadapi kekurangan jurutera.

Masaalah kekurangan jurutera ini walaupun pihak Kerajaan telah berusaha dengan sedaya-upaya untuk menambahkan dan mengatasi kekurangan jurutera ini, tetapi setakat ini saya nampak masaalah kekurangan jurutera ini semakin hari semakin bertambah. Sebab itulah, Tuan Pengerusi, kalau kita mengikuti mesyuarat di peringkat Daerah ataupun mesyuarat di peringkat Negeri seperti Tindakan Negeri dan Tindakan Daerah, maka setiap kali di dalam bidang itu masaalah kelambatan dan kecuaian pihak Jabatan Kerja Raya ditimbulkan oleh ketua-ketua jabatan yang lain dan di atas Jabatan Kerja Rayalah diletakkan segala kesalahan dan kesilapan yang berpunca lambat atau mundurnya sesuatu projek bagi sesuatu Kementerian atau jabatan yang lain. Dan masaalah kekurangan jurutera ini bagi negeri-negeri yang agaknya sudah maju seperti di sebelah Pantai Barat tentulah tidak begitu terasa oleh negeri-negeri yang seperti itu, tetapi bagi negeri-negeri yang selama ini mundur dan kurang mendapat perhatian dengan ditambahnya lagi kekurangan jurutera di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua, maka dengan sendirilah negeri itu tidak akan dapat seimbang kemajuannya dengan negeri-negeri yang telah maju. Inilah, Tuan Pengerusi, yang dialami benar-benar oleh Kerajaan Negeri Trengganu pada masa ini.

Saya masih ingat di dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beserta dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga kira-kira setahun yang lalu ke Negeri Trengganu apakala perkara ini ditimbulkan oleh pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar di sana, maka pihak Kementerian ini berjanji untuk membantu Negeri Trengganu supaya Negeri Trengganu dapat membangun sekurang-kurangnya setaraf dengan negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia ini, maka satu unit khas mengenai dengan kejuruteraan ini akan dihantar ke Negeri Trengganu.

Saya tidak dapat mengetahui, Tuan Pengerusi, sejauh mana janji itu telah dipatuhi sehingga ke hari ini, tetapi saya diberi

faham kira-kira empat bulan yang lalu janji itu belum lagi ditepati oleh Menteri yang berkenaan. Dengan sebab itu, saya ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri bilakah janji itu hendak dilaksanakan.

Saya nampak juga, Tuan Pengerusi, walaupun Kementerian ini menghadapi kekurangan jurutera, maka Kementerian ini juga dilonggokkan dengan kerja tambahan ataupun di sini disebut 'kegiatan-kegiatan tambahan'. Jika kita perhatikan maka perangkaan yang ada dalam buku ini bagi tahun 1973 ini, Kementerian ini akan menghadapi kerja-kerja di bahagian kegiatan tambahan mengatasi daripada bahagian-bahagian lain. Ini adalah satu perkara yang patut Kementerian ini berterus terang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun pihak Kerajaan. Kiranya dengan tenaga yang ada pada Kementerian ini terhad atau tidak mampu hendak menyelesaikan kerja-kerja yang tidak merupakan kegiatan tambahan, maka bagaimana pula Kementerian ini boleh menanggung, boleh menanggung dan boleh menerima kerja-kerja yang mengenai dengan kegiatan tambahan, sedangkan masalah kekurangan jurutera adalah perkara penting yang dihadapi oleh Kementerian ini. Kalau begini keadaannya, lebih baik kerja-kerja tambahan yang tidak dapat ditanggung oleh Kementerian ini bagi melicinkan kerja-kerja yang tidak merupakan kegiatan tambahan, sebab seperti yang saya katakan tadi perkara yang baik atau diterima oleh Jabatan-jabatan yang lain itu merupakan kemajuan jabatan ini, merupakan profession di dalam Kementerian. Tetapi apabila timbul masalah lambat siap sesuatu bangunan, lambat sesuatu projek, maka Kementerian Kerja Raya yang disalahkan, sedangkan kesalahan yang diterima oleh Kementerian Kerja Raya ini adalah kesalahan yang tidak dapat dielakkan, kesalahan yang berpunca daripada kekurangan jurutera.

Perkara yang kedua, saya ingin menyentuh, ialah mengenai dengan usaha ataupun niat Kementerian ini hendak mendirikan atau hendak membina sebuah jambatan baru di Jertih pada tahun ini untuk menggantikan sebuah jambatan yang masih kukuh yang dibina selama 14 tahun yang lalu, cuma yang terpaksa hendak dibina pada tahun ini satu jambatan baru yang lebih tinggi ialah semata-mata kerana hendak menebus kesilapan yang

telah dilakukan selama 14 tahun yang lalu, sebab ketika jambatan yang ada sekarang dibina dalam tahun 1959, entah apa reka-bentuknya, saya tidaklah faham, dan dibuat rendah masuk ke dalam sungai. Bila jambatan dibuat rendah daripada tebing, sudah tentulah bila hujan dua-tiga hari jambatan pun tenggelam. Dan usaha Kementerian ini hendak menebus kesilapan 14 tahun yang lalu, saya mengalu-alukan dengan harapan semoga apa yang berlaku kepada jambatan Jertih itu dapat dijadikan panduan oleh Kementerian ini, supaya jambatan-jambatan yang lain yang akan kita bina di seluruh Malaysia tidak akan menjadi seperti apa yang telah dibuat 14 tahun yang lalu.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang P. 62—Membaiki Jalan-jalan Persekutuan yang rosak oleh banjir serta jalan-jalan negeri. Saya masih ingat selepas selesainya banjir baru-baru ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di dalam lawatannya ke tempat-tempat yang ditimpa banjir telah menitahkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang dan juga Kementerian Kerja Raya supaya membuat satu penyiasatan selain daripada membaiki jambatan Temerloh yang merupakan satu perhubungan yang paling penting, maka jalan-jalan yang rendah di dalam negeri Pahang hendaklah dipertingkatkan. Saya terpaksa menyebutkan perkara ini, kerana jalan-jalan raya dalam negeri Pahang adalah merupakan jalan-jalan yang penting untuk menyampaikan ke negeri Trengganu dan negeri Kelantan. Sekiranya dalam dua tahun lagi Jambatan Temerloh itu siap, tetapi jalan-jalan yang masih rendah selepas daripada Jambatan Temerloh itu tidak diusahakan seperti yang dititahkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, maka dengan sendirinya Jambatan Temerloh itu tidak merupakan satu ikhtiar untuk tidak putus di dalam perhubungan di waktu banjir kerana jambatan sahaja yang boleh dilalui, jalan-jalan yang rendah itu akan terputus juga akibat banjir. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri semoga Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang bukan sahaja untuk dikaji dalam negeri Pahang, tetapi hendaklah dijadikan sebagai satu usaha bagi Kementerian ini untuk mengkaji jalan-jalan di seluruh negeri di Malaysia ini manamana jalan yang rendah perlulah ditinggikan supaya jalan yang rendah itu tidak akan memutuskan perhubungan di waktu banjir.

Perkara yang keempat, ialah mengenai P. 62 juga, Pecahan-kepala 91—Rancangan Bekalan Air Negeri Trengganu. Kalau kita perhatikan, Tuan Pengerusi, Negeri Trengganu pada masa itu hanyalah ibu negeri sahaja iaitu Kuala Trengganu yang mendapat bekalan air secukup-cukupnya. Sedangkan daerah-daerah lain seperti Kemaman, Dungun, Kuala Berang, Marang dan Besut adalah merupakan daerah yang belum lagi mendapat bekalan air. Ertinya, kalau sebuah negeri hanya Ibu Negeri sahaja yang mendapat bekalan air, sesudah negeri ini mencapai kemerdekaan selama 15 tahun yang lalu, maka ini adalah satu perkara yang sudah tidak menepati ikrar ataupun niat kita bahawa negeri yang mundur itu akan dimajukan sesudah kita mencapai kemerdekaan, kerana masalah bekalan air adalah satu perkara yang penting dan di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua mana-mana swasta yang hendak membuka perusahaan di kawasan luar bandar, maka perkara seperti bekalan air ini dipersoalkan dan ditanya. Kalau perkara ini tidak dapat diatasi dengan keadaan yang baik, maka dengan sendirilah kawasan yang mundur itu akan bertambah mundur dari masa yang sudah-sudah, tetapi walaubagaimanapun, Tuan Pengerusi, dengan adanya peruntukan sebanyak \$1,600,000 sebagai modal pelaburan untuk bekalan air bagi daerah Dungun, Kemaman, Jertih, Kampung Raja serta Kuala Besut adalah satu perkara yang saya junjung tinggi kepada Yang Berhormat Menteri ini dan ini adalah merupakan sebagai titik permulaan untuk mengatasi apa yang saya sebutkan baru sebentar. Cuma perlaksanaannya sahaja saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dapat memberikan keutamaan di dalam perlaksanaannya nanti.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di sini mengenai bekalan letrik luar bandar. Saya tidak mahu menyentuh soal peruntukan \$6 juta yang diminta itu samada mencukupi atau tidak kerana sudah tentu tiap-tiap satu Kementerian sebelum mengemukakan belanjawan di dalam Dewan ini, peruntukan yang dimintanya sudah dikaji dengan kemampuan dan kebolehan menjalankan kerjanya.

Yang Berhormat Menteri waktu menyentuh masalah bekalan letrik di luar bandar telah meminta jasa baik rakyat di luar bandar

supaya memberikan kerjasama seperti menebang pokok di kawasan tanahnya.

Saya sendiri, Tuan Pengerusi, telahpun mengamalkan apa yang telah diminta oleh Yang Berhormat Menteri itu, tetapi saya nampak kalau penduduk di luar bandar dapat memberikan khidmat bakti, memberikan tanah dengan percuma untuk dilalui oleh pihak L.L.N. dan nenebang pokok-pokok kerana memasukkan bekalan letrik, tetapi satu perkara yang saya rasa pihak L.L.N. sendiri tidak dapat hendak mengadakan suatu penyelarasan dengan Jabatan Talikom.

Saya sebutkan demikian, Tuan Pengerusi, satu perkara yang amat ganjil, apabila wire letrik ini hendak melintas wire talikom, maka di situlah timbul perbalahan antara Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Talikom. Perbalahan ini, kerana masing-masing tidak mahu turun ke bawah, masing-masing hendak dulu atas. Oleh sebab kedua-duanya ini, Tuan Pengerusi, tidak boleh duduk dalam kadar berapakah, jaraknya mesti ada.

Saya timbulkan perkara ini, Tuan Pengerusi, di kawasan saya sendiri, suatu rancangan bekalan letrik untuk luarbandar bagi tahun 1971, kemudian ditunda kepada tahun 1972 dan sehingga kepada saya bercakap ini, tahun 1973, tidak dapat dibekalkan. Dawai sudah dibekalkan, tiangnya sudah dibekalkan, cuma api tidak dapat dibekalkan. Puncanya ialah perbalahan antara Lembaga Letrik Negara dengan Jabatan Talikom, kerana pihak Lembaga Letrik Negara hendak melintas satu line Jabatan Talikom, maka Jabatan Talikom tidak mahu turun ke bawah cable-nya.

Tuan Pengerusi, saya sudah berkali-kali menghubungi jabatan yang berkenaan meminta supaya diadakan perundingan. Jadi cara perundingan antara Lembaga Letrik Negara dengan Jabatan Talikom ini memalukan. Kedudukan dua pejabat ini tidak jauh, lebih kurang 200 ela sahaja jaraknya, tetapi surat-menyurat antara Lembaga Letrik Negara dengan Jabatan Talikom, memakan masa 7 bulan baharu mendapat jawapan.

Tuan Pengerusi: Boleh rengkaskan sedikit Yang Berhormat?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Boleh. Saya harap, Tuan Pengerusi, supaya Kementerian ini mencari satu jalan, kalau rakyat sudah sanggup memberi kerjasama, menebang

pokok, memberi tanah, janganlah pula sesuatu rancangan itu tergendala kerana tidak adanya kerjasama yang baik sesama Jabatan Kerajaan, sedangkan tujuan Perdana Menteri kita mengadakan Majlis Tindakan Daerah, Majlis Tindakan Negeri ialah untuk menyelaraskan kerja-kerja di peringkat jabatan-jabatan, tetapi hal ini nampaknya tidak ada antara Lembaga Letrik Negara dengan Jabatan Talikom.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh Kepala P. 62, Kementerian Kerja Raya dan Tenaga dan saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma atas tiga perkara sahaja.

Pertama, saya suka menyentuh Pecahan-kepala 1, muka 452, membaiki Jalan 1 dan Jambatan-jambatan.

Di sini sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian yang telah mengambil tindakan untuk memperbaiki sistem-sistem jalan dan juga mengelakkan lagi jalanraya. Tetapi nampaknya, Tuan Pengerusi, dalam menentukan sistem ini maka Jabatan-jabatan yang berkenaan yang bersangkutan-paut dengan J.K.R., terutama sekali Jabatan Perancang dan Pejabat Tanah tidak memberi kerjasama mereka dengan seberapa elok dan dengan seberapa segeranya. Inilah sebabnya satu-satu perkara yang kita dapati banyak rancangan-rancangan jalan yang telah tergendala dan juga terbengkalai.

Di sini saya suka juga memberi perhatian kepada Kementerian ini supaya dapat mereka itu mengubah sikap Jabatan-jabatan yang lain. Ada satu rancangan jalan yang telah ditunjukkan dalam pelan rancangan negeri di Kampung Petaling yang akan mengadakan ring-road melalui Sungai Besi, Petaling dan Petaling Jaya, dibuatnya jalan yang merentang, yang meredah kampung orang, boleh dikatakan habis Kampung Melayu di situ, walhal setengah batu jauhnya daripada sana itu ada state land, tanah lombong beratus-ratus ekar. Nampak saya, kerjasama antara Jabatan Kerja Raya dengan Jabatan Perancang Negeri dan juga Pejabat Tanah tidak berjalan dengan sebegitu licin. Saya berharap perkara semacam ini dapatlah ditentukan dengan serta-merta. Kerana rasa saya banyak lagi jalan-jalan yang seumpama ini yang dilaksanakan ataupun akan dilaksanakan di negara kita ini.

Yang keduanya, saya suka menyentuh kepada Pecahan-kepala 112 dan 113 muka 460, Pejabat-pejabat Baharu Kerajaan. Kita pada masa ini ialah dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, tidak lama lagi kita akan menyertai Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Apa yang kita dapati pada masa ini rupa bangunan pejabat-pejabat yang telah didirikan oleh J.K.R. ini adalah sama sahaja, samada di Kuala Lumpur, di Klang, di Seremban, di Ipoh dan sebagainya, serupa sahaja bentuknya. Maksud saya di sini, kalaulah lagi Rancangan Malaysia Yang Kedua ini bentuknya seperti bentuk yang ada sekarang ini, kita nampak di Jalan Young, bagi Rancangan Malaysia Yang Ketiga biarlah kita ubah sedikit bentuk bangunan ini, kerana rasa saya barangkali banyak pegawai-pegawai dan juga kakitangan yang mengatakan rumah ini sudah terlampau murah sangat nampaknya. Malahan pula, Tuan Pengerusi, kadang-kadang kesihatan kita tengok, terutama sekali kaum wanita kita yang hamil, mereka itu memanjat sampai tingkat yang ketiga dengan tidak ada lift. Jadi kalau dapatlah diadakan lift dengan dibuat tingkat empat, ataupun lebih, mengadakan lift, jadi kesusahan kepada kaum wanita kita yang hamil dapatlah kita atasi.

Saya berseru sangatlah kepada Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ini supaya dapat mengubah rekabentuk bangunan-bangunan kerajaan ini. Ini bukanlah bermakna hendak memberi kerja lebih kepada akitek-akitek di J.K.R. tetapi rasa saya pada masa ini J.K.R. memang memberi kerja kepada akitek-akitek lain daripada jabatan kerajaan, kerana rasa saya ini adalah satu peluang bagi akitek-akitek yang lain untuk mendapatkan kerja.

Yang ketiga, saya suka menyentuh kepala 141 muka 462 iaitu berkenaan dengan Kemajuan Kuari. Di sini, Tuan Pengerusi, saya telah sebutkan juga masa dahulu menarik perhatian Kementerian supaya dapat lagi membuka kuari lebih banyak. Sebelum kita merdeka dahulu boleh dikatakan tiap-tiap jajahan atau daerah, ada satu kuari. Sekarang ini, kita mengadakan suatu kuari pada tiap-tiap satu negeri kecuali rasa saya negeri Pahang yang ada dua kuari. Tetapi memandang jauhnya batu-batu hendak diangkat, terutama sekali seperti negeri Johor, batu dibawa daripada Luntu Kuari sampai ke Muar ataupun sampai ke Segamat. Kalaulah ada satu kuari lagi di pertengahan rasa saya

tentulah perbelanjaan bagi mengangkut batu-batu ini akan dapat dikurangkan dan juga rasa saya kalaulah kita mengadakan kuari yang lebih banyak lagi dapat kita memberi pekerjaan bagi penduduk-penduduk di kawasan itu. Kerana dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini memanglah tujuan Kerajaan untuk menimbulkan kerja-kerja yang lebih banyak lagi. Rasa saya, ini satu cara untuk dapat Kerajaan memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan supaya kuari-kuari dapat dibuka lagi di daerah-daerah yang ada banyak batu. Dalam hal ini juga, memandangkan pesatnya pembinaan bangunan-bangunan, jalan-jalan dan sebagainya, saya tengok J.K.R. terutama sekali J.K.R. Negeri Selangor yang tidak dapat membekalkan batu dengan secukupnya. Di sini, saya suka lah menyeru kepada Kementerian supaya dapat diusahakan kuari di Bukit Takon kerana Bukit Takon ini, rasa saya, ialah sebuah bukit di Kancing yang telah baharu-baharu ini kita dengar dalam suratkhbar ada kumpulan-kumpulan mereka yang menetang menjadikan bukit ini satu punca kuari.

Kumpulan ini adalah satu kumpulan kecil sahaja, rasa saya. Barangkali adalah lima enam orang yang masuk dalam Nature Society yang kata dia mestilah diperhatikan supaya tempat itu jangan digunakan sebagai quarry. Tetapi, rasa saya bukit ini kecil. Tempat lain kata dia boleh menarik pelancung-pelancung datang ke Malaysia ini menengok Bukit Takon. Barangkali, Tuan Pengerusi, faham tempat ini dan biasa menengok, Bukit Takon ialah sebuah bukit yang kecil, tidak ada benda pun yang hendak ditengok di sana. Apa salahnya kita gunakan bukit ini jadi satu quarry supaya dapat kita mengeluarkan batu yang banyak lagi? Dengan cara ini, rasa saya, boleh harga batu itu turun. Pada masa ini harga batu itu bertambah mahal. Dan kadang-kadang yang membekalkan batu itu tidak pula dapat memberi batu kepada pembeli-pembeli dengan syarat kalau tidak ada duit pada masa itu, batu tidak dapat. Jadi kalau banyak quarry kita, terutama sekali di Kuala Lumpur ini, barangkali batu boleh dikeluarkan dengan banyak, pembinaan bangunan-bangunan dan lain tentulah akan berjajaian dengan licin.

Tuan Awang Bungsu bin Abdullah (Limbang-Lawas): Tuan Pengerusi, saya

mengambil peluang sedikit menyentuh Kepala B. 62, Pecahan-kepala 2800 berkenaan jalanraya di luar bandar mahupun di dalam bandar.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga yang telah berusaha akan membina jalan-jalanraya di luar bandar mahupun di dalam bandar.

Yang pertama sekali, saya ingin memberi bayangan kepada Yang Berhormat berkenaan tujuh batu round keiling dijanjikan oleh Kerajaan sudah selama tujuh tahun, dan sehingga pada masa sekarang belum lagi Kerajaan akan membinanya. Jadi dari itu Kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat di atas perkara ini untuk rakyat yang di luar bandar. Berkenaan jalanraya itu, Tuan Pengerusi, banyakkah sangat rakyat-rakyat yang diam di kawasan itu dukacita oleh kerana saya ketahui jalan itu adalah sangat merbahaya kepada kawasan yang tersebut oleh kerana saya membayangkan kepada Yang Berhormat kalau musim hujan jalan itu adalah dibanjiri air sedalam dua tiga kaki. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapatlah menimbangkan perkara itu semenjak Rancangan Malaysia Yang Pertama hingga kepada Rancangan Malaysia Yang Kedua belum lagi Kerajaan menunaikan janjinya. Dari itulah rakyat di dalam kawasan saya sangatlah ragu-ragu terhadap Kerajaan kita Malaysia oleh kerana perjanjian Kerajaan termasuk Kementerian adalah tidak tepat sekali. Maka daripada hari ini, saya berseru kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil tindakan yang berat demi untuk rakyat yang di luar bandar.

Tuan Pengerusi, berkenaan menyambung jalanraya dari Limbang ke Lawas, dari Sundal ke Lawas, dari Ulu Terusan, dari Lawas ke Long Semadi, inipun sangatlah mustahak kepada rakyat di luar bandar yang penting sekali tidak ada mempunyai jalanraya untuk mereka berjual beli di pekan. Dari itulah Kementerian yang berkenaan supaya menyiasat perkara ini dengan sehalus-halusnya memberi arahan kepada Kerajaan Negeri supaya Kementerian melihat sendiri baharulah Kementerian percaya kepada Jajahan Yang Kelima. Sungguhpun Jajahan Yang Kelima jauh daripada Malaysia Barat, Kementerian janganlah lupa oleh kerana rakyat di sanapun sungguh hairan dan segala

rancangan yang diberi oleh Kerajaan tidaklah memuaskan hati. Daripada itulah rakyat di luar bandar sangat susah dan sangat menderita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan jalanraya di dalam bandar pula daripada pekan Lawas menuju lapangan kapal terbang daripada bandar Lawas menuju ke sekolah menengah Punan. Ini sangatlah merbahaya kepada budak-budak sekolah. Jalanraya yang ada itu kasar sahaja dan batunya pun besar-besar oleh kerana tidak ada Kerajaan menimbangkan kepada budak-budak sekolah memberi jalan itu dibubuhkan minyak. Saya merayu kepada Kementerian Kerja Raya dan Tenaga memberi usaha yang penting sekali kepada budak-budak sekolah dan menjaga keselamatan budak-budak itu.

Tuan Pengerusi, jalanraya-jalanraya yang besar di Bahagian Yang Kelima pula sangatlah menyusahkan hati rakyat oleh kerana parit-parit tidaklah mencukupi dan selalu ditimpa air di musim hujan. Kadang-kadang jalanraya itu adalah dua tiga kaki dinaiki air dan saya tahu pada masa ini kadang-kadang setahun satu kali membaiki parit oleh kerana jalanraya itu menyusahkan budak-budak sekoiah pergi ke sekolah menengah.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi arahan kepada Menteri yang berkenaan Kerajaan Negeri mengambil tugas supaya membaiki terhadap rakyat di luar bandar.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dengan ringkasnya Kepala P. 62, Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, Pecahan-kepala 2800 muka surat 450 yang mana Negeri Sarawak mendapat peruntukan sebanyak \$2,180,000 untuk perkhidmatan pelbagai dan Pecahan-kepala 21,22,23 dan 24 muka surat 455 yang berjumlah hampir \$15 juta.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini seperti yang kita ketahui adalah bertanggungjawab di atas perkara jalanraya-jalanraya, jambatan-jambatan, sekim bekalan air dan sebagainya. Dengan hal yang demikian saya mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan keadaan sebahagian daripada jalanraya-jalanraya yang penting, jambatan-jambatan

dan juga sekim bekalan air di daerah yang tertentu di Sarawak.

Dengan cara kebetulan di kawasan saya di daerah Mukah yang telah lama menjadi satu soalan atau tanda-tanya rakyat di situ ialah jalanraya, jambatan dan sekim bekalan air. Ingin juga saya menerangkan di dalam Dewan ini iaitu satu jalan yang penting sekali di antara Kuala Oya, Kuala Mukah sejauh lebih kurang 17 batu yang mana baharu sahaja sebentar tadi kita dengar jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa soal jawab di dalam Dewan ini mengenai jalanraya tersebut. Saya menyeru bagi kepentingan rakyat di luar bandar yang berkenaan supaya Kerajaan Pusat atau Kementerian ini memberi peruntukan khas untuk membaiki jalan itu yang dipusakai oleh penjajah dahulu diberi perhatian yang benar-benar memberi kemudahan yang baik kepada rakyat di luar bandar.

Biasanya pihak berkenaan di negeri Sarawak apabila diminta membuat jalan tersebut mengatakan belum ada peruntukan wang dari Kerajaan Pusat. Dengan hal yang demikian, saya merayu kepada Kementerian ini mahupun Kerajaan Negeri Sarawak khususnya supaya memberi pertimbangan yang sewajarnya di atas perkara jalanraya itu atau jalan-jalanraya yang penting di luar-luar bandar negeri Sarawak.

Di sini suka juga saya memberi gambaran sedikit di atas perkara jalan Kuala Mukah, Kuala Oya yang ada sekarang. Keadaan jalan itu boleh diumpamakan sebagai penyakit semakin sehari semakin bertambah terok yang menunggu rawatan istimewa daripada pihak yang bertanggung-jawab.

Dan juga mengenai satu jambatan di Kuala Sungai Tellian di daerah Mukah sepanjang lebih kurang tiga rantai yang dibuat dari kayu bilan berusia lebih 30 tahun sekarang nampaknya sudah tua dan membahayakan kerana kayu-kayu tiangnya telah banyak berlubang dimakan oleh Kapang.

Perkara jambatan ini juga pernah dibawa kepengetahuan pihak yang bertanggungjawab dan pernah juga diperiksa oleh Pegawai-pegawai J.K.R. tempatan dan Majlis Daerah Tempatan yang berkenaan. Dukacitanya untung nasib jambatan tersebut belum diketahui lagi sekarang. Dengan adanya peluang ini, saya minta pihak yang berkenaan memberi keutamaan untuk membuat

jambatan baharu bagi menggantikan jambatan yang saya sebutkan itu tadi untuk memberi kemudahan bagi kepentingan rakyat siang dan malam yang melalui jambatan tersebut.

Tuan Pengerusi, walaupun bekalan air di pekan Mukah bolehlah saya katakan semenjak hampir 50 tahun sudah tidak begitu membimbangkan rakyat di kawasan itu yang boleh mendapat bekalan air. Malangnya di Kampung Seberang ataupun di seberang sungai Mukah yang mempunyai penduduk hampir 2,000 jiwa apabila di waktu kemarau selalu kedengaran mengeloh untuk mendapatkan air minum dan air untuk memasak, kerana telaga air kering dan juga air batang sungai masin. Dengan memandang keadaan seperti ini, saya mengesyurkan kepada Kementerian ini supaya membuat satu saluran bekalan air paip menyeberang Sungai Mukah sejauh lebih kurang 600 kaki bagi memberi bekalan air di kampung tersebut.

Tuan Pengerusi, saya tidak berniat untuk memanjangkan ucapan saya dan sekali lagi saya merayu kepada Kerajaan Pusat memberi peruntukan yang lebih banyak lagi kepada negeri Sarawak.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya sukacita juga mengambil kesempatan mengalu-ngalukan peruntukan perbelanjaan dalam Kementerian ini.

Di samping itu, saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas segala kejayaan-kejayaan yang telah dijalankan oleh Kementerian ini termasuk jalanraya, bangunan-bangunan dan lain-lain juga yang memberi faedah yang besar sekali kepada penduduk-penduduk bukan sahaja di dalam bandar, tetapi di kawasan-kawasan luar bandar. Dan saya beri peransang lagi sekali supaya usaha-usaha yang begini akan lebih giat lagi di masa-masa akan datang sesuai dengan pembangunan ekonomi Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Tuan Pengerusi, saya hanya mengambil bahagian sedikit sahaja bercakap dalam Kementerian ini iaitu mengucapkan terima kasih berkenaan dengan rancangan-rancangan jalanraya yang telah dijalankan dalam negeri Perlis yang mana negeri Perlis berasa bertuah dengan adanya banyak jalanraya bukan sahaja dibuat untuk faedah orang ramai, tetapi juga untuk faedah pembangunan iaitu

menjalankan faktori-faktori dan juga Rancangan Felda yang mana keadaan jalanraya itu bukan sahaja memberi faedah kepada kilang-kilang yang tersebut itu tetapi juga memberi berfaedah kepada seluruh penduduk-penduduk di sana untuk meningkatkan ikhtisad ataupun ekonomi mereka itu.

Saya sekali lagi mengambil kesempatan berasa syukur kerana dengan adanya jalanraya yang dijalankan oleh Kementerian ini terutama sekali jalan raya Padang Besar negeri Thai sekarang ini sudah ramai pelancung-pelancung dan ahli-ahli perniagaan bertumpu di sana kerana jalan tersebut amat selesa menuju ke negeri Thai untuk menjaikan pelancungan dan juga perniagaan-perniagaan.

Selain daripada itu, beberapa hari yang lalu, saya telah pun berucap dalam Kementerian yang lain yang meminta Kementerian tersebut itu menggalakkan rancangan-rancangan pertanian rancangan-rancangan perusahaan di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan yang demikian, maka inilah saya mengesyurkan dalam Kepala P. 62, muka surat 453 berhubung dengan jalan luar bandar yang mempunyai peruntukan \$6 juta itu supaya ditumpukan ke jalan-jaian yang akan mendatangkan lebih banyak ekonomi kepada rakyat seluruhnya. Terutama dalam negeri Perlis bahawa sebatang jalan yang belum siap disapu tar oleh pihak Kerajaan iaitu di antara jalan Kulong Batang Abi sampai Batu Pahat. Jalan itu ialah jalan yang boleh dikatakan jalan yang mendatangkan ekonomi kepada rakyat, kerana yang apa yang saya katakan tadi bahawa jalan itu boleh dijalankan dengan rancangan tanaman semula, pokok-pokok buah-buahan di tepi-tepi bukit, di dusun-dusun buah-buahan di situ dan juga menggalakkan orang ramai berpindah menyediakan rancangan-rancangan seperti tanaman lada hitam dan sebagainya.

Lagi satu jalan ialah Jalan Batu Pahat berhampiran dengan Padang Golf juga jalan ke Anak Celong Jalan Kolam Air Abi di mana jalan itu bertujuan yang sama iaitu menggalakkan orang ramai pergi menjalankan perusahaan bercucuk tanam dan juga menyenangkan pelancung-pelancung datang ke sana kerana di sana ada satu tempat dengan koiam air Anak Celong itu dinamakan tempat waterfall iaitu bila musim-musim hujan seperti air terjun begitu juga di tempat-tempat lain.

Satu lagi jalan yang mendatangkan ekonomi yang belum siap dibina oleh Kerajaan yang belum sapu tar lagi iaitu Jalan Kampung Tok Hashim Habi itu juga untuk kegunaan petani-petani.

Tuan Pengerusi, perkara lagi jalan-jalan dalam negeri Perlis yang mendatangkan ekonomi yang mana saya penuh yakin dan percaya kedatangan Yang Berhormat Menteri ke negeri Perlis beberapa bulan yang lalu telahpun melawat ke jalan-jalan yang tersebut itu dan saya hanya mengesyorkan supaya jalan-jalan tersebut itu diberi keutamaan dengan sepenuh-penuhnya kerana sudah tiba masanya rakyat-rakyat akan sama bangkit untuk menjalankan rancangan-rancangan mereka itu sendiri iaitu rancangan pertanian, perniagaan dan lain-lain perusahaan.

Pecahan-kepala 81—Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Perlis. Saya mengalu-ngalukan bekalan air di Perlis sebanyak \$200,000 iaitu bekalan untuk di Jelembok di Perlis Utara rancangan luar bandar seluruhnya dan juga rancangan khas di Padang Besar.

Saya rasa, dengan adanya rancangan-rancangan ini, maka dapatlah menampung kekurangan yang dialami oleh setengah-setengah penduduk negeri Perlis yang kawasannya kurang air. Buat beberapa tahun yang lalu sehingga sekarang Kerajaan Negeri Perlis melalui J.K.R. telah membelanjakan wang yang banyak untuk menghantar air ke kampung-kampung di mana tempat yang tidak sampai air. Kadang-kadang air itu tidak mencukupi dan ada kalanya air itu tidak begitu bersih. Dengan sebab itu, saya berharap supaya 4 rancangan yang saya sebutkan tadi diberi keutamaan dengan sepenuh-penuhnya terutama sekali, saya rasa, patutlah pihak Kementerian ini mengambil initiative dengan cara yang bersungguh-sungguh untuk memberi bekalan air yang segera di Padang Besar.

Padang Besar sekarang ini adalah pusat pelancungan, pusat perniagaan yang sedang maju dan mempunyai harapan maju pada masa hadapan.

Pada masa sekarang ini penduduk-penduduk di Padang Besar hanya dapat minum air daripada sebuah tasik yang sengkang dan airnya keruh sebagai warna merah—jadi warna merah yang berkarat-karat itu. Kalau sekiranya tidak ditakung

apabila diteliti betul-betul, maka mereka itu seolah-olah minum air tanah begitu sahaja. Dengan sebab itu ia tempat Padang Besar ini patutlah dijalankan rancangan seberapa segera. Sebagai Wakil Rakyat di kawasan itu, saya sentiasa menerima desakan-desakan terutama sekali daripada penduduk-penduduk di situ termasuk Pegawai-pegawai Kastam, Imigresen, Polis dan sebagainya yang kebanyakannya sentiasa air daripada Alor Star ataupun air daripada Kangar untuk minuman mereka itu sendiri, kerana air itu bukan sahaja menjadi keroh dan kotor, tetapi kadang-kadang menjadi tempat mandimanda, telanjang di situ mandi di dalam kolam maka air itulah yang mereka minum. Keadaannya cukuplah tidak menyenangkan dan menjadi sungutan-sungutan pelancung-pelancung dan orang ramai seluruhnya.

Di dalam rancangan \$200,000 ini, saya rasa, tentulah menyekat dua cara. Pertama, cara untuk mendalamkan tasik itu. Kedua, mengambil saluran daripada lain.

Mengikut siasatan saya sendiri, kalau didalamkan tasik itu untuk mendapatkan air tidak banyak mendapat khasiat, kerana tidak cukup mata air. Saya syorkan supaya bekalan air di Padang Besar itu diambil daripada pekan Kaki Bukit sejauh 8 batu dan dijadikan saluran air untuk di bawa ke sana, air itu bersih dan sesuai untuk minuman dan lain-lain tugas.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, muka surat 464, Pecahan-kepala 191, Bekalan Letrik Luar Bandar yang peruntukannya berjumlah \$6 juta. Saya menyentuh hal ini, kerana saya penuh yakin dan percaya dalam \$6 juta itu tentulah sekali ada peruntukan khas bagi negeri Perlis sendiri. Negeri Perlis yang mempunyai hawa yang bersih 100% dan luasnya negeri Perlis ialah 310 batu. Apa yang menjadi kekurangan bahawa ada setengah-tengah tempat di negeri Perlis masih belum ada lagi bantuan api letrik disebabkan peruntukan bantuan letrik ini ada berkaitan dengan perbelanjaan negeri Perlis. Negeri Perlis berasa amat kekurangan, sebab itu dilambat-lambatkan.

Saya terhutang budi pada masa yang lalu boleh dikatakan bantuan letrik ke negeri Perlis diberi keutamaan dengan cara yang bersungguh-sungguh oleh Kementerian ini. Saya berharap bahawa Menteri yang baharu ini akan memberi keutamaan dengan cara yang bersungguh, juga negeri Perlis supaya

dapat memberi bekalan kepada penduduk-penduduk dalam negeri Perlis. Ada setengah-tengah tempat yang berhampiran dengan Kangar dengan bandar Kangar sendiri pun masih belum lagi dapat bantuan. Saya beri satu misalan umpamanya di Kampung Abu jalan menuju ke padang golf yang bersimpang dengan Kubang Badak, Padang Meangit di simpang Jalan Abi Tok Hashim dan satu simpang lagi ke Gong Batak. Jauhnya daripada Kangar lebih kurang tidak sampai 3 batu, tetapi kawasan itu terlindung dengan Pekan Kangar dan tidak langsung dapat bantuan, Kerajaan kita, Kerajaan Perlis telah membuat janji beberapa tahun yang sudah dan janji yang akhir sekali dibuat pada tahun 1969 dekat dengan pilihanraya dahulu yang kebetulan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak pada masa itu Timbalan Perdana Menteri telah membuka sebuah masjid di Abi. Beliau juga telah berjanji untuk memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk di situ, kerana memandangkan bahawa Abi adalah satu tempat yang bertuah yang cukup lengkap semua sekali dengan Padang golf dan kolam mandi dengan berbagai-bagai lagi termasuk batu-batu polish ini pun yang dibina dalam negeri Perlis jalan-jalan raya dalam negeri Perlis itu diambil di Abi. Patutlah sangat kata mereka itu Abi dibuat sebagai satu contoh diberi keutamaan, balai-balai polis kata mereka itu kerana bukit-bukit itu berharga dan sebagainya. Dengan sebab itulah saya berharap supaya tempat Mukim Abi diberi keutamaan kerana sentiasa saya menerima desakan bukan sahaja daripada penduduk tempat di situ tetapi sentiasa menerima desakan daripada parti politik dan juga daripada persatuan-persatuan termasuk persatuan-persatuan belia untuk mengadakan kegiatan-kegiatan mereka itu sendiri kerana di tempat-tempat lain yang berhampiran dengan mereka setengah batu daripada itu pun sudah ada bantuan elektrik.

Selain daripada itu, ada beberapa tempat lagi yang harus diambil tindakan oleh pihak Kementerian ini satu-satu sahaja rancangan lalu-lintas. Umpamanya di Batu 5, Jalan Kaki Bukit, Daerah Bukit Putri. Jadi sedikit sangat rancangan kalau sekiranya hendak dibelanjakan pun, saya rasa tidak banyak. Dengan sebab itulah

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Othman bin Abdullah: Dengan sebab itu saya harap pihak Kementerian ini

akan mengambil daya utama seboleh-bolehnya memberi keutamaan kepada rakyat negeri Perlis mengadakan 3 rancangan yang saya sebutkan tadi. Kami rakyat negeri Perlis amat bersyukur kerana Kerajaan dapat menimbangkan dengan seberapa segeranya.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu-alukan peruntukan bagi Kementerian Kerja Raya dan Tenaga dan di sini saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Besut di atas pujian-pujian terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di atas pujian-pujian itu, saya suka lah mengucapkan terima kasih dan sebaliknya juga saya berharap tempat-tempat jalan raya di negeri Trengganu dan juga Kelantan yang rendah-rendah itu supaya dapat ditinggikan dan dengan itu dapat bereskan sekali dari Pahang, Trengganu dan Kelantan untuk semua sekali.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya suka bercakap sedikit dalam muka 447 Pecahan-kepala 1100 iaitu Aktiviti (i), (ii) dan (iii). Di sini, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit perkara iaitu berkenaan dengan road divider ataupun benting jalanraya Majlis Tempatan Karak, dalam kawasan saya.

Di sini saya suka memberitahu dalam tempoh 6 tahun ini kita dapatlah lima enam kali kemalangan atau accident yang besar dan 3, 4 nyawa sudah hilang. Perkara ini kita sudah bincang beberapa kali dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Dalam mesyuarat itu pihak Polis kata, ini bukan kuasa dia, ini kuasa Jabatan Kerja Raya, tetapi Jabatan Kerja Raya kata ini bukan kuasa dia, ini berkenaan "road safety" atau keselamatan jalanraya. Jadi pusing balik, pusing balik, sampai sekarang perkara ini tidak dapat diselesaikan.

Baharu-baharu ini kita dapatlah sedikit peruntukan daripada Kerajaan Negeri membenarkan kita membuat "benting" ini tetapi malangnya kita tidak dapat kebenaran dari Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan di sini saya harapkan, saya buat rayuan ini kepada Yang Berhormat kita dapatlah kita buat road divider di Majlis Tempatan Karak oleh kerana jalanraya ini cukup sibuk dan kita ada sebuah sekolah dekat. Tiap-tiap hari dalam masa persekoiahan banyaklah murid-murid hendak gunakan jalanraya ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan satu perkara juga berkenaan jambatan gantung untuk dua buah kampung, Sungai Kepong Lanchang dan kampung Tanjong Kerayong Mentakab, di daerah Temerloh. Saya pun katakan berselisih oleh kerana perkara ini sudah timbul dalam masa 3 tahun yang lepas. Sebelum pilihanraya 1969 kita sudah ada satu cadangan membuat 2 buah jambatan gantung ini tetapi malangnya masa diambil membuat rekabentuk ini pun sudah dekat 2 tahun. Tetapi sampai sekarang 2 jambatan ini pun belum dapat dibentukkan. Jadi Sungai Kepong ini pun sudah ada dua tiga orang hilang nyawa kerana mereka kena gunakan jeti pergi kerja dalam bot-bot kecil. Saya harapihah Yang Berhormat Menteri atau Pengarah Jabatan Kerja Raya ini boleh buat arahan kepada pihak Negeri supaya perkara ini boleh dapat diselesaikan.

Yang ketiga, berkenaan bekalan air ke Kampung Lanchang. Dalam Mesyuarat Tindakan Daerah di Temerloh kita dapat lapuran dari Jurutera Kanan itu dalam bulan September tahun yang lalu kita boleh dapat, projek ini dapat dimulakan tetapi sampai hari ini saya tidak nampak apa kerja yang dibuat, cuma saya nampak air paip itu adalah disimpan satu tempat dekat Batu 5 Kem di Mentakab. Saya dengar juga perkara ini sudah dirujukkan kepada Jurutera Perunding tetapi berunding sampai bila saya tidak tahulah tetapi bagaimanapun saya harap projek ini boleh dapat dijalankan dengan secepat mungkin. Kalau tidak tiap-tiap tahun Kerajaan Negeri kena belanjakan wang yang banyak untuk musim kemarau untuk penduduk-penduduk di kampung-kampung dekat Lanchang itu.

Lagi satu, saya suka menyentoh dalam Pecahan-kepala 4—Jalanraya dan Jabatan-jabatan. Saya suka dapat Jabatan J.K.R. memperbaiki lain-lain jalan Persekutuan dan jabatan-jabatan. Di sini saya suka membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu berkenaan Jalan Triang iaitu Triang Road dari Temerloh kepada Kemayang. Jalan ini sangat mustahak oleh kerana jalan ini satu jalan yang dapat kita berhubung mudah dengan Negri Sembilan, Melaka dan juga kawasan-kawasan dekat Triang ini boleh dikatakan sudah maju, banyak ladang-ladang kelapa sawit dapat dihasilkan dan juga banyak ladang-ladang atau kebun-kebun

kecil sudah dapat dihasilkan hampir dengan kawasan itu. Kita dengar banyak perkara-perkara berkenaan seperti mengurangkan jentera atau mengurangkan batu dan banyak-banyak sebabnya. Bagaimanapun saya harapihah dalam peruntukan ini kita boleh dapat Jalan Triang atau Triang Road ini dibaiki lanjut lagi. Sekarang sudahlah dapat djayakan 6 batu, barangkali dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini sebelum kita habis kita boleh dapatlah barangkali 10 batu lagi. Bila kita memasuki Rancangan Malaysia Yang Ketiga, saya harapihah Jalan Triang ini atau Triang Road ini boleh dapat satu jalan yang baharu untuk penduduk-penduduk di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan jalan-jalanraya baharu. Di sini dalam peruntukan ini saya nampak di dalam Negeri Pahang kita dapat peruntukan \$12,063,000 untuk (i) jalan menghala ke Jabatan Mentakab Jalan Batu Balik Pekan, (ii) Jalan Kuantan Segamat, (iii) Jalan Kuala Lumpur ke Karak. Di sini saya sukalah bagi pihak Negeri Pahang, ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian dan khasnya kepada Yang Berhormat Menteri kita mudah-mudahan peruntukan jalan-jalan baharu ini dapatlah sahabat-sahabat kita dari negeri-negeri lain boleh datang atau bolehlah melalui Negeri Pahang dengan mudah dan juga kawasan-kawasan dekat jalan-jalanraya ini kita dapatlah sekali lagi maju. Kita dapat lebih kawasan-kawasan yang boleh tambah penduduk-penduduk dan juga seluruhnya Negeri Pahang kita boleh dapat maju dan makmur lebih lagi.

Akhirnya, Pecahan-kepala—8 Jalan Luar Bandar "The Rural Roads", Di sini saya sukalah memberitahu tempat kawasan saya iaitu kawasan Bentong ada banyak jalan-jalan luar bandar tidak berapa sempurna, dan saya harap dalam peruntukan ini banyak jalan-jalan luar bandar di kawasan saya boleh dapat membaiki lagi.

Saya suka mengsyorkan di sini iaitu ada banyak jalan-jalan di dalam Rancangan LKTP iaitu FELDA di daerah Bentong seperti Tanah Belut dan Sertike. Sg. Dua, kita dapati jalan-jalan itu atau longkang-longkang itu sudah rosak, tetapi bila saya merujukkan perkara ini kepada pihak LKTP mereka menyatakan ini adalah hal berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya. Mengikut apa yang saya tahu Jabatan Kerja Raya pun kurang peruntukannya. Walaubagaimanapun

saya berharaplah kita jangan melupakan jalan-jalan di dalam rancangan LKTP dan dapatlah memperbaiki dengan cepat mungkin.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Pengerusi, saya suka bercakap di bawah Kepala P. 62 muka surat 452, Pecahan-kepala 1, 2, dan 3—membaiki jalan dan jambatan-jambatan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat diminta pendekkan sedikit ucapan, kerana selepas waktu soal-jawab pada hari esok, Yang Berhormat Menteri akan menjawabnya dan nampaknya ada dua orang lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Tuan Tan Cheng Bee: (*Dengan izin*) Sir, improvement to roads are being made throughout the country but where roads have sunk below the usual level, they are usually being repaired by paving a layer of tar on the road surface spreading up to the edge of the roadside. The new and raised surface of the road is about 2" or 3" above the level of the side of the road and a cyclist who rides on the side of this road is apt to have his cycle wheels balancing on the edge of the new road surface, with the result that when the wheels drop off the edge of the road the cyclist loses his balance and more often than not this cyclist loses control of his bicycle and falls. This would be dangerous as the motorist immediately behind the cyclist would be caught all of a sudden and may not be able to stop in time to avoid the cyclist if he or she should fall towards the centre of the road. I wonder if the J.K.R. is aware of this "death-trap" especially to cyclists and motorists. Sir, the staff of the J.K.R. working in this Section of Road Maintenance and Improvements must realise that the lives of the road users depend on their efficient manner and their sense of responsibility in the discharge of their duties on the maintenance and improvement works on roads. If they should neglect to put up a sign visible by day or night to indicate a dangerous hole on the road or any unfinished portion of the road work when they sign off for the day in the evening, that might be a "death-trap" to the road users at night.

I was on my way to Kuala Lumpur early this morning when the street was still dark and I was suddenly jolted off my seat when the driver of my car failed to avoid a big

hole in the centre of the road just after the junction leading to Parit Buntar from Nibong Tebal. Fortunately, because my driver is an experienced driver and my car is quite a heavy car, nothing happened except for the shock. But if my driver had been a new driver and my car a light one, I am afraid things would have been otherwise.

Sir, I hope the Honourable Minister will instruct all the State Engineers to advise the road maintenance staff to exercise more care and be more conscious of the wellbeing of road users when they are doing road repairs.

Sir, I like now to touch on Head P. 62, subhead 71—Penang Water Supply Schemes—on page 458. Sir, the laying of pipes connecting the water supply from Pengkalan Air, Sungei Muda, to Penang was done by a contractor who, after having completed the work of laying the pipes all the way from Kuala Muda to Penang, left in its wake damage all through the town to Butterworth and its outlying villages. As the contractor's labourers dug holes along the road, they broke up bridges and drains and in the Village of Sungei Puyu they raked up tombstones near the Chinese cemetery there and even the foundation of a house at Jalan Raja Tun Uda was affected and the house, as a result, tilted to one side. When the work was done the Contractor's labourers closed up the road but the cement bridges which they excavated and which were constructed by private individuals leading from the road to the houses, were replaced by this contractor with wooden bridges and even the cement culverts raked up by the labourers were not rebuilt, with the result that complaints after complaints have been received by the District Officer, Butterworth. The District Officer, through the J.K.R., Butterworth, tried to contact the contractor, but the contractor appears to be very busy with another contract work in Singapore and is unable to meet the District Officer at Butterworth. Sir, I hope the Honourable Minister will get this contractor to come to Butterworth and put right all the damages that his labourers, in the process of pipe-laying activities, have done at Butterworth and its near-by villages.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bercakap secara ringkas sahaja di bawah perkara Kepala P. 62 berkenaan dengan pembinaan

jalan-jalan raya di dalam kampung-kampung dalam kawasan saya sendiri iaitu kawasan Baling.

Oleh kerana kawasan saya ini adalah berdekatan dengan sempadan dengan negara asing dan gerakan-gerakan tentara selalu beriak dalam kawasan saya maka jalan-jalan raya perlu diperbaiki iaitu untuk menyesuaikan dengan kemahuan bersama dan jalan raya yang perlu diperbaiki itu saya sebutkan di sini ialah jalan seperti Pekan Pulai ke Telok Siara, jalan daripada Wing ke Kampung Batu 8, Jalan Kuala Pegang pergi ke Pekan Seh, daripada Kupang pergi ke Kampung Iboi dan Siak bersempadan dengan Perak, Kampung Bongkok ke Kampung Batu Lioh. Sebab-sebabnya yang disebutkan jalan-jalan ini ialah dengan kerana selalu biia gerakan-gerakan tentera berlaku dalam tempat itu keadaan jalan inilah yang membuntukan gerakan-gerakan tentera ini berjalan dengan baik dan ini boleh mengendalakan gerakan-gerakan yang dibuat untuk mendapatkan kejayaan-kejayaan.

Perkara yang kedua, ialah sungutan-sungutan daripada pengguna-pengguna letrik iaitu rakyat dalam kawasan saya. Pembayaran harga bekalan letrik dalam kampung dan juga dalam pekan yang dibuat oleh swasta dengan yang dijalankan oleh N.E.B. tidak sama keadaannya. Saya berharap bagaimana juga rakyat berharap iaitu pengguna-pengguna letrik bekalan letrik dalam kampung-kampung itu biarlah direndahkan supaya sesuai dengan keadaan-keadaan penghidupan dan pendapat rakyat dalam kampung, kalau tidak sia-sia sahaja tujuan-tujuan kita hendak memberi bekalan letrik itu kepada kampung-kampung.

Perkara yang ketiga yang saya ingin sebutkan di sini ialah berkenaan dengan pembelian tanah oleh pihak Kerajaan untuk dibuatkan projek dalam kampung seperti projek jalan raya, rumah bidan, sekolah dan lain-lain. Kadang-kala pembelian itu tidaklah mengikut harga yang sesuai dan bagaimana yang kita semua maklum bahawa pada hari ini bagi rakyat untuk mendapatkan tanah walau sekangkang kera pun sungguh susah dan Kerajaan tidaklah mengeluarkan tanah pada hari ini kerana tanah tidak ada lagi. Jadi bagi rakyat yang hidup di atas usaha pertanian, pendapatannya di atas penghasilan melalui tanah, kalau Kerajaan membeli tanah

itu dengan bayaran harga yang tidak sesuai dan tidak mencukupi maka tentulah akan merugikan pihak penduduk dalam kampung ataupun orang-orang kampung. Jadi biarlah dengan sekali pembayaran itu merupakan bayaran yang sesuai kepada rakyat dan boleh menguntungkan kepada rakyat. Janganlah hendak menguntungkan Kerajaan sahaja, biarlah orang kampung juga menikmati faedah dari Kerajaan dan berterima kasih, walaupun mereka kehilangan tanah kerana diambil oleh Kerajaan. Jadi inilah tiga perkara yang saya harap Kementerian yang bertanggungjawab akan memberikan perhatian yang bersungguh, jangan cakap sahaja dalam Parlimen mengatakan tindakan akan dibuat, tetapi pelaksanaannya yang sebenar tidak dibuat. Saya harap tindakan akan dibuat dengan sewajarnya.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit berkaitan dengan Kepala B. 62 muka surat 448 Pecahan-kepala 1300 Aktiviti (ii) dan (iv).

Di sini, Tuan Pengerusi saya ingin menerangkan bahawa jalan raya di kampung-kampung yang ada di dalam kawasan saya. Pada masa sekarang musim hujan, musim landas dan penduduk dalam kampung itu beribu-ribu jumlahnya, bersilat dengan tanah kuning yang berair. Jadi mereka ada yang memakai kereta dan memakai basikal dan kanak-kanak yang bersekolah berjalan kaki atau berbasikal juga selalu terkandas apabila di waktu hujan kerana jalan raya itu licak dan berlopak-lopak. Jadi oleh kerana itu saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil perhatian berkenaan dengan jalan raya ini. Dan juga berkenaan dengan bekalan air.

Mengenai bekalan air, sejak tahun 1971 saya pernah merayu kepada Kerajaan tetapi hingga sekarang belum lagi mendapat keputusan. Tempat ini tidak jauh daripada saluran air yang besar lebih kurang 1½ batu sahaja, tetapi penduduknya hampir seribu orang, mereka sentiasa minum air masam, air paya, jika musim hujan. Jika waktu tak ada hujan, waktu kemarau mereka langsung tak dapat air, malahan terpaksa pergi jauh sampai satu-dua jam pergi ke lain tempat mengambil air untuk makan minum mereka dan mencuci kain baju. Tambahan pula sekarang ini jalan sudah dibuka, parit-parit tempat mengambil air sudah tak ada lagi,

kering langsung. Dalam kesempatan ini saya minta pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian kerana saya berasa sedih melihat keadaan penduduk-penduduk di situ.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian juga dalam muka surat 449 Pecahan-kepala 2400—Aktiviti Pentadbiran Am. Di sini juga, saya ingin menerangkan iaitu di dalam kawasan saya juga yang berhampiran dengan bandar tak jauh di belakang istana ada sebuah sungai yang kecil lebih kurang panjangnya kalau kirakan jalan lurus sejauh $1\frac{1}{2}$ batu. Oleh kerana Sungai itu bengkok-bengkok jadi perjalanannya itu menjadi jauh dan sungai itu sangat selut dan tak pernah diluaskan. Apabila waktu hujan seperti waktu sekarang, air naik sehingga setakat pinggang. Penduduk di situ pergi bekerja, mana yang memakai basikal hendak pergi bekerja diangkat basikal itu di atas bahunya, Tuan Pengerusi, oleh kerana air terkandas dan sungai itu tidak pernah dibersihkan sejak berpuluh-puluh tahun, yang saya ketahui. Keadaan ini berlaku dalam kawasan saya juga maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya pendekkan sahaja ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Tolong pendekkan ucapan Ahli Yang Berhormat. Ada seorang lagi yang hendak bercakap.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Saya merayulah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian bagi menyenangkan mereka yang tinggal di situ. Demikianlah, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan): Saya bangun mengambil bahagian mengenai Kementerian Kerja Raya dan Tenaga di bawah Pecahan-kepala 191—Bekalan Letrik di luar bandar.

Tuan Pengerusi, sungguhpun negara kita telah mencapai kemerdekaan lebih kurang 15 tahun, dan Kerajaan sedang mengadakan berbagai rancangan untuk kemajuan di

seluruh negara kita untuk kemakmuran dan kemajuan rakyat, tetapi saya sangat berasa dukacita keadaan di luar bandar adalah sedang gelap. Saya harap Kerajaan kita akan memberi keutamaan (equal priority) kepada projek-projek atau rancangan yang kita adakan untuk kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang Kerajaan sedang mengadakan minor project iaitu yang memakan belanja daripada \$1,000 hingga \$5,000 dalam kawasan luar bandar. Apa yang saya tahu, Pegawai-pegawai Daerah telah meminta senarai nama-nama tempat untuk diadakan titi, bekalan air untuk ditimbangkan dalam tempoh setahun dalam Rancangan Malaysia Kedua. Saya minta dengan bersungguh atau merayu kepada Kerajaan, tolonglah beri priority kepada rancangan-rancangan kecil untuk diadakan segera dalam negeri kita.

Seorang penduduk kampung pernah bertanya kepada saya, katanya: "Ahli Yang Berhormat, kita telahpun merdeka lebih kurang 15 tahun, kita berkehendakkan titi, dan juga bekalan letrik dan air, tetapi saya ada dengar dalam surat khabar, Kerajaan Pulau Pinang akan mengadakan satu titi yang besar sekali dalam dunia. Benarkah jambatan ini akan dibuat?" Saya jawab, "Mintalah kepada Tuhan", kemudian baharulah dia faham (*Ketawa*). Saya tidak mahu membuang masa majlis ini, dan saya minta sekali lagi dan merayu kepada Kerajaan supaya diberikan priority kepada minor project ini di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi: Masa pun sudah cukup, Yang Berhormat Menteri akan menjawab esok apabila Dewan bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok 30hb Januari, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.